# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

AHUN 25 BILANGAN 5 | RABU 30HB JANUARI, 1980. | 1400 رابو 12 ربيع‌الاول | PERCHUMA



PASOKAN Brunei telah bertemu dengan pasokan Melaka dalam siri perlawanan Piala Malaysia pada 24hb Januari yang lalu. Ini ada-lah perlawanan yang pertama di-padang sendiri bagi Brunei yang mana perlawanan itu berkesudahan seri 0-0.

Dalam perlawanan kali kedua di-padang sendiri pada hari Ahad 27hb Januari yang lalu, pasokan Brunei juga seri 0-0 dengan Pasokan Johore.

Sa-takat ini pasokan Brunei bermain sa-banyak empat kali— dua kali seri, sekali menang dan sekali kalah — dan memungut sa-banyak 4 mata.

Gambar atas kelihatan ketua pasokan Melaka, Soh Chin Aun memperkenalkan pemain2-nya kapada YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah sa-jurus sa-belum perlawanan di-jalankan antara pasokan itu dengan pasokan Brunei di-Stadium Hassanal Bolkiah pada 24hb Januari yang lalu.

# SEMANGAT KEYAKINAN DAN KESEDARAN HARUS DI-PUPOK DI-KALANGAN BELIA2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kaum belia ada-lah merupakan salah satu jentera tenaga penggerak yang menjadi unsor yang kuat dalam bidang pembangunan lebeh2 lagi di-saat negeri kita Brunei sedang giat membangun.

Dari sebab itu ada-lah sangat mustahak semangat kesedaran dan keyakinan di-pupok di-kalangan belia2 kerana kesempurnaan pembangunan dan kemajuan negeri Brunei hanya akan dapat di-dokong dengan kuat-nya melalui tenaga raayat yang sedar, tegas, berpengetahuan dan berpengalaman serta jujor dan beriman kapada Allah.

Belia2 ada-lah golongan jenerasi yang mempunyai peranan penting terutama dalam Negeri Brunei menempoh gerbang kemerdekaan lagi berdaulat dalam tahun 1983 dengan mengisikan ilmu pengetahuan demi untok memegang teraju pentadbiran negara.

Demikian telah di-tekankan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama ketika beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan Kongres Agong Perwakilan Majlis Belia2 Negeri Brunei yang telah di-adakan di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-sini pada hari Ahad yang lalu.

Yang Berhormat Pehin, seterus-nya menekankan, bahawa pada perengkat ini belia2 kita telah melangkah dengan pesat-nya di-mana telah ramai pegawai2 muda dari kalangan belia2 yang terdiri dari anak2 tempatan yang mempunyai kelulusan yang tinggi bagi menggantikan pegawai2 luar negeri.

Maka tambah Yang Berhormat itu lagi, keyakinan sa-umpama itu harus-lah di-tanamkan di-sanubari belia2 di-negeri ini pada menjunjong titah kebawah DYMM yang mengamalkan dasar untok memberikan pelajaran dan pendidekan yang tinggi kapada anak2 tempatan bagi tujuan keperluan negara dalam dunia sains dan teknoloji dewasa ini.

"Siapa pun tidak dapat menyangkal akan kepentingan-nya tenaga2 belia2, akan besar-nya pengaroh dan hebat-nya kekuatan belia2, tetapi masaalah-nya sa-takat mana-kah menyedari keadaan diri mereka ? Dan sa-jauh mana kebijaksanaan mereka pada memainkan peranan dalam memberikan sumbangan kapada bangsa dan negara serta ugama", ujar Yang Berhormat.

Pada lazim-nya pergerakan belia yang akan datang tentu-lah tidak dapat lari daripada latar belakang pergerakan belia2 sebelum-nya, dengan itu Yang Berhormat menyarankan supaya belia2 harus-lah menoleh ka-belakang dan merenong pergerakan yang pernah di-tempohi oleh mereka itu.

Lihat muka 20

## ...ala Malaysia: K'jaan bantu $40 ribu kapada BAFA

...DAR SERI BEGA-...N. — Kerajaan Keba-... Duli Yang Maha Mu-...lah memberikan ban-... berupa wang sa-ba-... $40,000.00 kapada ...tuan Bolasepak Ama-...Brunei (BAFA) bagi ...ertai musim Piala ...ysia tahun 1980 ini. ...an yang sama juga ... di-berikan sa-banyak ...00.00 pada tahun 1979 ...lalu.

...-lah di-fahamkan ba-... bantuan tersebut di-...an oleh BAFA bagi ...iayai penyertaan per-...ek dan lain2 perbe-...n pada musim Piala ...sia, yang sedang ber-... sekarang ini, dan ini ...akan kali kedua pasokan Kebangsaan Bolasepak Brunei menyertai Piala Malaysia.

Ini telah di-nyatakan kapada Pelita Brunei, minggu ini, oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain.

Yang Berhormat itu berharap bahawa dengan ada-nya bantuan tersebut mudah2an BAFA akan dapat lagi bersunggoh2 pada meninggikan serta menggalakkan mutu pemain2 bolasepak Brunei dalam pertandingan Piala Malaysia itu.

"Nampak-nya pada tahun ini, kita berasa shukor di-atas kemajuan yang telah di-perlihatkan oleh pemain2 bolasepak Brunei dalam pertandingan Piala Malaysia itu amat menggalakkan. Di-harap pemain2 yang baik dan berbakat itu akan dapat di-ketengahkan bagi persediaan2 di-lapangan bolasepak, pada masa akan datang", jelas Yang Berhormat itu lagi.

### ...anis-nya Iman

...ANG yang bakhil ia-... orang yang apabila ...aku di-sebut di-sisi-nya ...idak menguchapkan sa-...t ka-atasku"— Hadith ... riwayat At Tirmizi ...pada Sayidina Ali.

## 289 memelok Ugama Islam tahun lalu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bilangan orang2 yang memelok Ugama Islam meningkat sa-tahun demi sa-tahun.

Menurut pengumoman Jabatan Hal Ehwal Ugama, terdapat sa-ramai 298 orang termasok kanak2 telah memelok ugama Islam sa-panjang tahun lalu berbanding dengan 232 orang pada tahun 1978.

Dari jumlah tersebut saramai 109 orang telah memelok Ugama Islam di-Daerah Belait; 106 orang di-Daerah Brunei-Muara; 47 orang di-Daerah Temburong dan 36 orang di-Daerah Tutong.

Menurut pengumoman itu, orang2 yang memelok Ugama Islam itu kebanyakan-nya terdiri dari orang Dusun dan Iban.

## Pendudok Brunei meningkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ramai pendudok Brunei pada pertengahan tahun 1979 di-anggarkan berjumlah 212,840 orang. Dalam tempoh yang sama tahun 1978 terdapat sa-ramai 201,260 orang dan bertambahan ini ada-lah bersamaan dengan 5.8 peratus.

Menurut anggaran pendudok yang di-keluarkan oleh Bahagian Perangkaan Jabatan Setia Usaha Kerajaan baru2 ini, sa-ramai 128,030 orang ada-lah lelaki dan 84,810 orang perempuan.

Lebeh separoh dari jumlah itu ia-itu sa-ramai 114,410 orang diam di-Daerah Brunei-Muara; 70,520 orang di-Daerah Belait; 20,350 orang di-Daerah Tutong dan 7,560 orang di-Daerah Temburong.

Pembahagian bangsa pula menunjokkan bangsa Melayu berjumlah sa-ramai 118,190 orang dan di-ikuti oleh bangsa China sa-ramai 54,150 orang. Puak2 asli yang lain berjumlah 25,800 manakala lain2 bangsa di-anggarkan berjumlah saramai 14,700 orang.

**MENGHAYATI ISLAM DENGAN PENOH KEIKHLASAN**

**Pelita Brunei**

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

30HB JANUARI, 1980

بسم الله الرحمن الرحيم

## SA-TULUS HATI MENGHAYATI UGAMA RASMI

HARI ini di-taksirkan kira2 30,000 umat Islam di-Brunei menghadhirkan diri di-perhimpunan2 besar di-empat2 daerah seluroh negeri kerana memperingati kelahiran Junjongan Nabi Besar Mohammad s.a.w. Di-perkatakan bahawa Nabi Besar Mohammad s.a.w. ada-lah Nabi yang di-sepanjang hayat Baginda terus-menerus memperjuangkan kesempurnaan hidup umat Islam dalam ertikata kehidupan manusia yang di-redhai di-sepanjang detik2 berhidup selaku manusia itu. Thema Mauludun Nabi pada tahun ini berbunyi: "Menghayati Islam Dengan Penoh Keikhlasan" ia-itu suatu thema yang tidak saja sedap di-dengar tetapi juga merupakan suatu bahan penilai (menilai diri sa-bagai sa-orang Islam) sa-jauh mana kita dapat melaksanakan keikhlasan itu dalam melaksanakan Islam diri kita itu.

Hari ini tentu akan kedengaran sharahan2 yang mengandongi hujjah2 tentang menghayati Islam dengan penoh keikhlasan itu dengan huraian2 sa-bagai petunjok atau pernyataan dan penilaian apakah keikhlasan itu benar2 mengambil tempat terutama dalam jangka waktu yang di-lampaui. Amat jelas yang thema ini mengajak kita berbuat demikian dan hanya dengan menilai semula kita akan dapat menjejaki sa-jauh mana perkembangan itu telah di-chapai. Bila hal ini di-perkatakan maka ia-nya tidak bermakna untok hanya menoleh apa-kah kita sudah sembahyang, berpuasa, membayar zakat, naik haji dan sa-umpama-nya, bahkan yang juga penting apa-kah kita sudah dapat melaksanakan perkara2 yang lain yang di-tuntut oleh tujuan2 menguchap kalimah-shahadat, bersembahyang, berzakat, berpuasa dan naik haji itu ? Ini-lah antara-nya yang penting untok di-toleh dan mengenang kalau2 ada yang menchachatkan aspek keikhlasan dalam menghayati perkara2 yang menjadi teras Islam itu.

Dalam kita mengenang-ngenang itu mungkin kita akan dapat menjejaki sa-suatu yang kurang enak dan sa-suatu yang mungkin meragukan darjah keikhlasan kita itu. Dan, dalam mengenang-ngenang itu-lah waktu-nya dan menjadi sa'at yang amat berfaedah untok kita membuat langkah2 baru pada menampal perkara2 yang kita dapati dalam diri kita akan ada-nya "garawang" hatta sa-besar lobang "yagan" yang boleh menchachatkan darjah keikhlasan tersebut. Memang-lah di-akui bahawa kita manusia ini sukar untok melengkapkan diri sa-lengkap-lengkap yang di-kehendaki Islam, tetapi kita ada-lah makhlok yang teristemewa yang di-bekalkan dengan pancha-indera dan daya fikir yang kuat yang menjadi senjata dan di-gunakan dalam perjuangan menempoh arus hidup yang sentiasa berhadapan dengan berbagai pencheroba ini. Senjata yang bernama daya fikir itu-lah yang mempunyai hikmat2 yang besar dalam menumpaskan sa-tiap gejala yang melanda terutama gejala2 yang boleh merosak imej Islam kita itu. Senjata ini, kalau sa-memang-nya mengambil tempat yang kukoh dalam diri kita, maka yakin-lah bahawa perkara2 yang menjejaskan imej Islam itu tidak akan mudah meresapi saloran2 darah Islam, kerana senjata itu-lah juga yang dapat menentukan kekuatan yang bernama Iman itu.

Di-negara ini, hasrat untok menjadikan Islam itu sa-bagai suatu chara hidup yang lengkap ada-lah semakin kukoh dan ini dapat di-boktikan oleh raayat melalui berbagai kegiatan, dan sa-jauh ini kita telah melalui sambutan2 yang berchorak keugamaan saperti sambutan 1400 tahun Hijrah yang mendapat sambutan besar dari seluroh raayat di-setiap pelusok tanah ayer. Bokti2 yang sa-demikian ini ada-lah tanda2 penting dalam menchapai hasrat ugama rasmi negara itu.

Maka itu ada-lah di-yakini yang kita tidak banyak menempoh sukar-sulit-nya, tambahan pula kita berkeyakinan yang sudah barang tentu chiri2 keikhlasan kita dalam menghayati Islam itu berada di-darjah yang tinggi di-kalangan semua pehak, kerana jikalau bukan kita, siapa lagi.

## PADA HEMAT SAYA....

# KERANA ALLAH

"APA yang jelas ia-lah: sama ada dalam makan gaji atau chari makan atau sa-bagai-nya lagi maka niat kerana Allah itu mustahak di-fahami dalam mengukoh-menebalkan-nya. Dan tidak-lah pula mustahil sa-telah kukoh-tebal dengan niat itu ada waktu-nya sa-seorang mudah melupakan-nya. Banyak keadaan boleh memudahkan orang lupa niat-nya berkerana Allah dalam sa-suatu yang di-perjuangkan, terutama apabila ia hilang puncha."

TENTU SUDAH ramai orang mendapat buku kechil yang di-bahagi2kan perchuma dalam perhimpunan Maulud tahun ini.

Buku 'Kerana Allah' (tajok-nya begitu, dan kita perchaya begitu juga pembukuan-nya) itu lahir oleh 'gerak hati' penyusun-nya, YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama. Menurut beliau, gerak hati-nya itu lebeh kuat lagi *"sa-telah menghadhiri majlis foram yang di-adakan di-Masjid Mohammad Bolkiah Kampong Serusop, Jalan Muara pada hari Jumaat, malam Sabtu 23hb Nobember 1979 bersamaan dengan 4hb Muharram 1400, yang mana salah sa-orang peserta foram itu telah menimbulkan perkara kerana Allah itu, demikian juga ketika membacha Pelita Brunei keluaran hari Rabu 28hb Nobember 1979 bersamaan dengan 8hb Muharram 1400 dalam ruangan 'pada hemat saya', yang di-antara lain ada menyentoh perkara 'kerana Allah' itu.*

### DI-RUNTUN

*Gerak hati* beliau itu di-runtun-nya dengan membawa pembacha mendekati persoalan *kerana Allah* dalam beberapa tajok kechil. Termasok antara-nya *chari makan* — yang telah di-huraikan dengan jelas dan meyakinkan (m.s. 19-21).

Dalam tajok kechil (*chari makan*) itu mula2 di-jelaskan-nya kedudokan nafkah. Ada nafkah yang wajib bagi sa-seorang ka-atas diri-nya sendiri jika ia berupaya, ada pula nafkah yang wajib ka-atas sa-seorang bagi orang lain. Dan *orang lain* yang wajib di-tanggong nafkah itu ia-lah kerana hubongan nikah, kerabat, dan milek.

Lalu di-tekankan-nya: *"Dalam menchari nafkah itu; baik untok diri sendiri, mahu pun untok orang lain, maka hendak-lah di-chari yang halal, dan usaha yang sa-demikian itu ada-lah wajib bagi tiap2 orang Islam . . ."*

Sa-lepas menekankan demikian dan menyebutkan ada berbagai2 chara menchari rezeki yang halal termasok-lah *makan gaji* maka beliau pun menegaskan bahawa menchari nafkah yang halal dengan niat untok menunaikan kewajiban yang di-suroh oleh Ugama ada-lah *kerana Allah.*

Mengenai makan gaji itu beliau menulis: *"Orang yang makan gaji, kalau-lah ia berniat bahawa apabila ia dapat gaji maka sa-bahagian-nya akan di-belanjakan untok berseronok2 dalam perkara yang di-tegah oleh ugama; atau di-niatkan-nya untok bersedekah kapada tabong anak2 yatim supaya ia di-puji sa-bagai orang pemurah; atau akan bersedekah beberapa buah Al-Kor'an kapada masjid supaya ia di-puji sa-bagai ahli ibadat, maka niat-nya itu telah menyeleweng daripada maksud kerana Allah."*

Lalu di-simpulkan-nya: *"Kerana itu usaha2 menchari nafkah bagi diri sendiri dan orang2 yang di-bawah tanggongan hendak-lah di-niatkan untok menjunjong perintah Allah, dan menunaikan kewajiban yang di-tanggong-jawabkan oleh ugama ka-atas bahu-nya, maka perbuatan-nya itu ada-lah kerana Allah; tetapi jika di-niatkan kapada perkara2 yang lain, saperti yang di-nyatakan di-atas tadi umpama-nya, maka maksud kerana Allah itu telah tidak di-penohi."*

### TERTAREK

Saya tertarek menurunkan kembali kandongan tajok kechil *chari makan* ini kerana saya pernah menyebut2-nya dalam ruangan ini sa-belum-nya berikutan sa-orang *tetamu* yang datang meragukan apakah makan gaji boleh di-kira kerana Allah sedangkan kita sa-benar-nya mendapat upah. Sa-bahagian-nya telah saya jawabkan kapada *tetamu* yang tidak di-duga itu. Dan tentu-lah dia lebeh tertarek pula membacha keterangan lanjut yang jelas, mudah dan menyakinkan dalam buku kechil *gerak hati* YB Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama ini.

Apa yang jelas ia-lah: sama ada dalam makan gaji atau chari makan atau sa-bagai-nya lagi maka niat kerana Allah itu mustahak di-fahami dalam mengukoh-menebalkan-nya.

Dan ada-lah tidak mustahil pula sa-telah kukoh-tebal dengan niat itu ada waktu-nya sa-seorang mudah melupakan-nya. Banyak keadaan yang boleh memudahkan orang lupa niat-nya berkerana Allah dalam sa-suatu yang 'di-perjuangkan', terutama apabila ia hilang puncha.

### AHLI IBADAT

Di-permulaan buku kechil itu YB Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama memetek suatu kesah yang asal-nya di-nukilkan oleh Al-Imam Al-Ghazali dalam kitab Ihya 'Ulumuddin.

Kesah-nya ia-lah sa-kitar sa-orang ahli ibadat yang mahu menebang sa-batang pokok kerana ramai orang telah menyembah pokok itu. Dia begitu marah akan perbuatan shirik mereka itu.

*Saya suka pula mengesahkan-nya sa-mula dengan gaya dan chara ruangan ini.*

Dalam perjalanan hendak menebang pokok itu ahli ibadat yang di-kesahkan tadi telah di-tanya oleh iblis yang menjelmakan diri-nya sa-laku orang tua: "Apa hubongan tuan dengan pokok itu, tuan tinggalkan ibadat tuan dan pekerjaan tuan, dan membuang masa pula kapada perkara yang lain?"

Ahli ibadat itu menegaskan bahawa perbuatan-nya itu bukan-lah suatu yang sia-sia malah juga merupakan ibadat. Ketegasan sikap demikian itu menjadikan iblis berazam menghalang-nya. Dia pun merempoh ahli ibadat dengan maksud supaya dapat menewaskan-nya. Terjadi-lah pergelutan di-mana iblis dapat di-tindeh.

"Lepaskan aku," rayu iblis. "Aku mahu berchakap dengan tuan" kata-nya lagi.

Ahli ibadat pun bangun. Sa-telah lepas dari tindehan-nya maka iblis pun chuba berdaleh sa-kira2 ahli ibadat itu membatalkan saja niat-nya hendak menebang pokok yang di-jadikan sembahan itu.

"Apa-lah yang tuan susahkan dengan perbuatan orang lain," iblis memulakan helah-nya, dan kata-nya lagi: "Allah Ta'ala melantek nabi2 di-atas muka bumi ini, jika Dia menghendaki neschaya di-perintahkan-Nya nabi2 itu menebang pokok tersebut."

"Tidak," jawab ahli ibadat. "Aku mesti menebang-nya" kata-nya dengan tegas.

Melihat ketegasan ahli ibadat itu maka sekali lagi iblis merempoh-nya. Terjadi-lah pergelutan untok kali kedua, dan iblis tewas lagi. Bagi ketewasan-nya kali kedua itu dia segera mengatakan: "Ada sa-suatu yang boleh menyelesaikan antara kita, ia-itu suatu yang lebeh baik kapada tuan dan lebeh bermunafaat kapada diri tuan."

"Apa dia?" Tanya ahli ibadat.

"Lepaskan-lah saya dulu, nanti saya memberitahu tuan", Iblis itu merayu.

Maka ahli ibadat itu pun melepaskan-nya.

"Tuan sa-orang yang miskin, tidak memileki apa2" iblis mula lagi menchuba helah-nya. "Tuan bergantong hidup kapada orang lain, tentu pula tuan ingin memberi sa-suatu kapada sahabat2 tuan dan ingin pula menulong jiran2 tuan" sambong-nya.

Ahli ibadat itu mendengar dengan teliti. Melihat keadaan itu maka iblis pun melanjutkan helah-nya: "Tuan boleh memenohi keperluan2 tuan, dan tuan tidak payah lagi berkehendak pertolongan orang lain."

Ahli ibadat itu berfikir sa-jenak, kemudian dia menjawab. "Betul kata2 mu itu."

Mendengar jawaban tersebut iblis pun meminta-nya melupakan saja maksud hendak menebang pokok tersebut. Dan sa-bagai ganti-nya dia menjanjikan akan meletakkan sa-tiap malam dua dinar wang di-bawah bantal ahli ibadat itu. Wang itu, kata-nya, boleh-lah di-ambil sa-tiap pagi dan boleh-lah di-belanjakan dan di-sedekahkan.

"Chara ini," kata iblis chuba menyakinkan "ada-lah lebeh bermunafaat kapada diri tuan dan kapada sahabat2 tuan daripada menebang pokok yang jika di-tebang atau tidak pun, tidak akan mendatangkan mudharat kapada orang2 yang menyembah-nya dan tidak juga mendatangkan munafaat kapada sahabat2 tuan."

Sa-telah berfikir sejenak lagi, ahli ibadat itu menganggok2 "Betul kata2 mu itu. Aku bukan nabi, tidak wajib ka-atasku menebang pokok itu dan Allah Ta'ala tidak memerintahkan aku untok menebang-nya." Dia mengaku, dan benar2 dia terlupakan helah di-sa-balek kata2 manis iblis itu.

Lalu: mereka pun bertegoh janji dengan tolak ansur yang di-chapai. Maka ahli ibadat pun kembali ka-tempat-nya meneruskan ibadat-nya saperti biasa.

### LANJUTAN KESAH

Apabila menjelang suboh pada esok-nya ahli ibadat itu mendapati wang dua dinar di-bawah bantal-nya. Wang itu pun di-ambil-nya. Dan pada keesokan hari-nya pun begitu. Tapi tidak begitu hal-nya pada hari yang ketiga dan hari2 berikut-nya. Menyedari hal itu maka ahli ibadat itu pun marah lantas mengambil kapak hendak memotong sa-mula pokok yang berkenaan.

"Tuan mahu ka-mana?" iblis menanya-nya di-pertengahan jalan.

"Aku mahu tebang pokok itu." Jawab-nya.

"Tuan bohong! Demi Allah, tuan tidak akan berdaya menebang-nya' kata iblis menchabar.

Ahli ibadat itu dengan radadang lantas memegang iblis untok di-rebahkan-nya sa-bagaimana dalam dua pergelutan yang lalu. Malang-nya kali ketiga ini, keadaan telah terbalek, iblis yang pernah dua kali tewas itu kali ini menang pula. Dan ahli ibadat itu rebah terlantang dengan iblis menindeh-nya sambil menganchan: "Berhenti-lah tuan daripada berniat untok menebang pokok itu, jika tidak, saya akan bunoh tuan!"

Menyedari bahawa diri-nya dalam bahaya dan tidak ada daya-nya melepaskan dari tindehan iblis itu maka ahli ibadat itu pun berkata menyerah: "Kau berjaya mengalahkan aku, lepaskan-lah aku!"

Sa-telah di-lepaskan dia pun bertanya kapada iblis mengapa kali ini dia tewas sedang dalam dua kali pergelutan sa-belum-nya dia menang.

Iblis menjelaskan: *"Pada mula-nya tuan marah itu ia-lah marah kerana Allah, dan niat tuan semata2 untok akhirat, lalu Allah s.w.t. memberi kemudahan kapada tuan untok mengalahkan saya. Tetapi pada kali ini tuan marah ia-lah untok kepentingan diri tuan, dan untok kepentingan dunia, kerana itu saya berjaya mengalahkan tuan!"*

### KESUDAHAN

Begitu-lah kesah-nya sa-chara ruangan ini.

Saya tidak fikir orang saperti ahli ibadat dalam kesah itu tidak tebal-kukoh iman-nya. Begitu pun, dia dapat juga di-perdayakan oleh iblis. Yang nyata-nya ia-lah: dia lupa dan kehilangan puncha apabila berdepanan dengan kenyataan hidup-nya saperti yang di-peringatkan oleh iblis kapada-nya itu. Dan dalam menyedari kenyataan hidup-nya yang selama itu miskin dan tinggal mengharap orang lain, dia ternyata pula lemah untok terus tegak dengan niat berkerana Allah!

Mengenangkan kesah kesudahan malang sa-umpama itu maka pada hemat saya elok benar-lah kita sa-makin mengkhushukkan lagi do'a yang selalu kita pohonkan kapada Allah: "Sudahi-lah kami dengan kesudahan yang baik, dan jangan-lah kami di-sudahi dengan kesudahan yang burok ........" — *Ketua Pegawai Penerangan.*

# HIS HIGHNESS RETURNS HOME

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan dan Yang Dipertuan returned home early last week after his five-day official visit to Singapore.

Before leaving the Republic, he and his royal entourage of 10 were given a warm farewell by the Singapore Prime Minister, Mr Lee Kuan Yew and his ministers.

In a 15-minute departure ceremony, His Highness took the royal salute mounted in his honour with Mr Lee.

The guard-of-honour comprised men from the police, army, navy and air force.

Foreign Minister, Mr S. Rajaratnam, Minister of Communications and Acting Minister for Culture, Mr Ong Teng Cheong, Senior Minister of State (Prime Minister's Office), Mr Lee Khoon Choy, Senior Ministers of State (Foreign Affairs), Mr Rahim Ishak and S. Dhanabalan and Senior Minister of State (Defence), Mr Bernard Chen were among those who bade him farewell.

His Highness and his royal party flew in on January 21 afternoon.

He was met at the airport by the Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, the Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, the British High Commissioner, Mr Arthur Watson, Senior government officers and state dignitaries.

While in Singapore, on the night of January 20, His Highness held discussions with Premier Lee at the Istana.

Earlier that day, a polo match between His Highness' team and a team from the Singapore Armed Forces was cancelled due to bad weather.

However, His Highness attended a prize-giving ceremony for matches played on other days at the Singapore Polo Club.

His Highness' own team won the tournament because of its victories in games.

The prizes were presented by Mrs S. Rajaratnam.

A Brunei official said that 28 horses had been flown from Brunei to Singapore for the tournament.

On January 19 night, His Highness attended a dinner hosted by Mr Lee at the Presidential Palace.

In the afternoon, His Highness and his men visited the Singapore Tengah Air Force Base.

They were accompanied by Mr Bernard Chen. Receiving them at the Base were the Base Commander, Col Peter Stuart and the Commander of the Singapore Armed Forces, Col Liu Chin Chuan.

On January 18 afternoon, His Highness paid a courtesy call on President Sheares at the Presidential Palace.

Accompanying him were his younger brothers, the Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah and the Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jeffri Bolkiah and his General Adviser, the Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa.

His Highness presented President Sheares with souvenirs which included the hand-woven Kain Songket.

His Highness' recent visit to Singapore was warmly welcomed by Premier Lee who attended His Highness' coronation in October 1967 after his father abdicated.

Premier Lee also attended His Highness' 33rd birthday celebrations in Brunei last July.

## DAY RELEASE COURSE

JALAN MUARA. — The Education Department is inviting subjects of His Highness the Sultan to apply for enrolment in the Day Release Course at Pusat Latehan Teknikal Brunei here.

The course which will commence in March is part-time day release course in sheet metalwork.

Entrance qualifications are employment in the sheet metal-work trade or in a trade related to sheet metalwork, and reasonable proficiency in English.

Duration of course will be one year and attendance is one day per week.

Subjects to be studied are drawing and development sheet metalwork theory and sheet metalwork practice.

Selection of students from among the applications will be made by means of a test and an interview. Application forms are obtainable from the Principal, Pusat Latehan Teknikal Brunei, P.O. Box 914, Bandar Seri Begawan, or from the Department of Education, Bandar Seri Begawan.

Application from Government Officers must be forwarded through their Heads of Department.

All applications must be submitted to the Principal, Pusat Latehan Teknikal Brunei by Saturday 9th February, 1980.

## Water purifying materials

BANDAR SERI BEGAWAN. — Thanks to Royal Brunei's help, the water supply in Brunei was kept fresh and clean last week.

The national carrier, in response to an urgent appeal from the State Stores, flew in water-purifying materials from Singapore.

A Royal Brunei statement said that the water-purifying materials would be flown in continuously by the airline as long as the need continued.

The statement added that because of the airfreight of these priority loads, the normal commercial shipments were thus displaced.

## Improvement of junctions

BANDAR SERI BEGAWAN. — To ease traffic congestion at Mile 1, Jalan Tutong, Public Works Department has devised temporary road improvement at the section in front of the Seri Shopping Complex.

The work involves construction of a new road link parallel to Jalan Tutong.

Painting of road marking and installation of road signs are in progress.

When the new road is open for traffic, it will be used for traffic going to Tutong from here.

The existing Jalan Tutong in front of Seri Shopping Complex will be a one-way operation for motorists going here.

The motorists going to Seri Shopping Complex are required to use 'U' turn facilities provided along the road.



Miss Chiam who won the mixed double section of the badminton tournament is seen receiving her trophy from the Chief Youth and Sports Officer, Awang Talip bin Haji Baruddin. Behind her is her partner, Mr. Victor.

## *PPB wins badminton tournament*

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Youth Association (PBB) emerged champion after beating the Perkota Association in the team section in the final of the Badminton Championship held at the Youth Centre here last week.

The tournament was organised by the Brunei National Badminton Association as part of the programmes to celebrate the 33th Birthday of His Highness the Sultan dan Yang Dipertuan.

The Perkota Association automatically won the second place while the third was the Kujaga Association.

More than one hundred badminton players participated in the competition which was divided into eight sections, two of which were specially for women.

In the men double section, the championship was won by Mr Koh with his partner Mr. Richard. Ak Ishak bin Pg Mohammed and his partner, Eddie Bill, were in the second place while the third place winner will only be known when Mahmud bin Pengarah Digadong Hj Abu Bakar with Samsuddin meet Awang Hasri bin Gafar and his partner, Awang Abd Wahab bin Moksin, in another tournament to be held later this week.

The partners of Victor-Chiam and Chong-Margaret respectively won the first and the second places in the mixed double section of the match. While Awang Abd Wahab bin Moksin partnering with Kristina won the third place.

Awang Abd Wahab bin Moksin who successfully defeated Mr Koh emerged champion in the men single section of the tournament. The loser, Mr Koh, automatically became the runner-up. Awang Samsuddin is expected to meet Awang Salimin later to decide the third winner.

In other two games specially held for women, one of which was double, the championship went to Miss Chiam with her friend, Miss Janet Bong, while Miss Jean with Miss Margaret, in the second place.

The women single championship was won by Margaret, while the runner-up was Hajjah Mariani bte Hj Morni. The third place went to Dayang Sainah bte Nayan.

The men veteran single championship was won by Mr Koh Kum Seng, second was Mr Richard. The champion and the runner-up in the men's veteran double section were respectively won by Mr Richard with Mr Koh, and Awang Dollah Chuchu with Emran bin Haji Hassan.

The third places for both single and double sections of the men veteran sections will also be available after another tourney to be held later.

In the games, Pengiran Haji Metussin bin Pengiran Haji Lampoh will versus Awang Dollah bin Chuchu in the single section, while Awang Haji Abdullah bin Metassan and his friend K. Deen, will compete against Awang Yusof and Awang Narawi in the double section.

On the same day, Dayang Rosni and her partner, Dy Noor will compete against Miss Chiam Soo with Janet to win the second runner up in the Women double section.

Prizes of the tournament held last week were given away by the Chief Youth and Sports Officer, Awang Talip bin Haji Baruddin.

## HALF MILLION DOLLAR BRIDGE

BANDAR SERI BEGAWAN. — A new bridge to replace the existing timber bridge is under construction along Jalan Kiulap here.

The bridge is constructed in anticipation increased traffic flow along Jalan Kiulap which links Jalan Gadong and Jalan Tutong. It is also serves the Sixth Form Centre and the Teachers' Training College.

Estimated cost of the 120ft reinforced concrete bridge is half million dollars and is designed and supervised by the Public Works Department, Brunei.

## Police judo training

JALAN MUARA.—The Acting Commissioner of Police, Dato Paduka Seri Laila Jasa C. T. Miller, will present Judo Belts and Certificates to 35 Recruits Course 4/79 on Monday 4th February, 1980 at 2.00 pm at the Police Training Centre, here.

To date, more than 2,000 judo belts have been awarded to members of the Royal Brunei Police. These include a considerable number of black and brown belts.

## Accident fatalities increase

JALAN MUARA. — The Police have released statistics of traffic accidents and fatalities in Brunei last year and in 1978.

A total of 1,519 accidents were reported in Brunei/Muara and Belait District of which 1,028 occured in Brunei/Muara alone.

The total number of accidents in 1978 was 1,621. And the number of fatalities last year was 38, five more than the previous year.

In view of the situation, the police have once again reminded motorists to exercise extra care while driving.

Meantime, the Police have appealed to owners of buffaloes to prevent their animals from straying along the road and causing accidents.

# YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM. Pehin Datu Seri Maharaja Datu Seri Utama) Pehin Datu Seri Maharaja, D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S., Azhar dan U. Cairo, Mufti

Siri ke-17

TIADA-LAH shak lagi bahawa menyenda2, merendah2 dan menghinakan apa jua yang di-pandang mulia di-sisi Allah dan Rasul-Nya (sallallahu 'alaihi wasallam), ada-lah perbuatan kufur, perbuatan yang mendustakan Allah dan Rasul-Nya. Jika perbuatan tersebut terbit dari orang Islam maka dengan sendiri-nya ia telah jadi murtad atau keluar dari ugama Islam.

Berkata Al-Imam An-Nawawi yang meninggal dunia pada tahun 676 Hijrah dalam kitab Al-Minhaj: Erti-nya: *Perbuatan yang membawa kufur itu ia-lah perbuatan yang sengaja menghinakan dengan terang2 akan ugama Islam atau mengingkari-nya saperti menchampakkan mushaf Kor'an di-tempat kotor dan sujud kapada berhala atau kapada matahari.*

Kita tahu bahawa Al-Kor'an itu Kalamullah dan wahyu Allah yang telah di-turunkan ka-atas Nabi kita Sayidina Muhammad (sallallahu 'alaihi wasallam) untok menjadi asas dan dasar ugama Islam, supaya di-sampaikan asas2 dan dasar2 ugama Islam itu kapada manusia seluroh-nya dengan tiada memileh dan mengechualikan mana2 jua bangsa manusia pun sa-telah mendengar ajaran Islam sama ada ia berkulit kuning, atau berkulit hitam, atau berkulit puteh, atau berkulit hitam manis. Kesemua-nya wajib menerima dan mengaku akan kebenaran Al-Kor'an. Barangsiapa yang menolak dan mendustakan-nya ber-erti-lah ia kufur dan shirik.

## MARTABAT SHAHADAT DALAM ISLAM

KALIMAH

Kalimah لَا إِلٰهَ إِلَّا الله itu suatu perkara mulia dalam Islam sa-bagaimana mulia-nya mushaf Kor'an dan di-hormati dalam Islam.

Firman Allah Ta'ala dalam Al-Kor'an, Surah Muhammad, ayat 19:

فاعلم انه لا إله إلا الله

Dan lagi dalam Surah Ibrahim ayat 52:

وليعلموا انما هو إله واحد

Dan dalam lain2 ayat Al-Kor'an.

Di-riwayatkan oleh Al-Imam2 Muslim, Abu Daud, At-Tirmizi, An-Nasae'i dan lain2 ulama Hadith daripada sahabat Abi Said Al-Khudri (radhiallahu 'anhu) mengatakan bahawa Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasallam) telah bersabda:

لقنوا موتاكم لا إله إلا الله

Erti-nya: *Ajarkan orang yang hampir mati akan* لَا إِلٰهَ إِلَّا الله

Di-riwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud dan lain2 ulama Hadith daripada sahabat Mu'az bin Jabal (radhiallahu 'anhu) telah berkata, telah bersabda Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasallam):

مَن كان آخر كلامه لا إله إلا الله دخل الجنة

Erti-nya: *Barangsiapa akhir perkata'an-nya:* لَا إِلٰهَ إِلَّا الله *maka ia masok shorga.*

Sementara Al-Imam2 Al-Bokhari, Muslim dan At-Tirmizi meriwayatkan daripada sahabat Ubadah bin As-Samit Al-Ansari (radhiallahu 'anhu) bahawa Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasallam) telah bersabda yang erti-nya: "Barangsiapa yang menguchap shahadat bahawa: Tiada Tuhan yang di-sembah dengan sebenar2-nya melainkan Allah sahaja, lagi tiada sekutu bagi Nya; dan bahawasa-nya Nabi Muhammad itu hamba Nya dan pesuroh Nya; dan bahawasa-nya Nabi Isa itu hamba Allah dan Rasul-Nya, dan Kalimah Nya telah Ia letakkan kapada Meriam, dan ia Roh ya'ani rahmat daripada Nya; dan shorga itu benar, sa-bagaimana neraka itu juga benar. Neschaya Allah masokkan dia ka-dalam shorga walau macham mana pun perbuatan dan amal-nya".

Di-riwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud daripada sahabat Abi Said Sa'ad bin Malik bin Sinan Al-Khudri (radhiallahu 'anhu) bahawa telah bersabda Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasallam):

مَن قال رضيت بالله تعالى ربا وبالإسلام دينا وبمحمد صلى الله عليه وسلم رسولا وجبت له الجنة

Erti-nya: *"Barangsiapa berkata: Saya redzakan Allah Ta'ala jadi Tuhan, saya redzakan Islam itu menjadi ugama. Saya redzakan Nabi Muhammad (sallallahu 'alaihi wassallam) itu menjadi pesuroh Allah, maka wajib-lah bagi-nya shorga".*

### SHAHADAT MENJADI WIRID

Ugama Islam telah menjadikan kalimah shahadat لَا إِلٰهَ إِلَّا الله itu suatu wirid di-bacha lepas tiap2 fardzu sembahyang sa-lain dari wirid2 sembahyang. Ada di-antara mereka membacha 100 kali lepas tiap2 fardzu sembahyang dengan lafaz:

لا إله إلا الله الملك الحق المبين

Chara-nya ia-lah: mula2 di-bacha

حسبنا الله ونعم الوكيل

200 kali, kemudian di-bacha أستغفر الله العظيم

200 kali, kemudian

لا إله إلا الله الملك الحق المبين

yang di- atas 100 kali, dan di-sudahi dengan

اللهم صل على سيدنا محمد وعلى آله وسلم

100 kali.

Pada masa sa-seorang itu sebok dengan pekerjaan maka bilangan 200 kali di-jadikan 20 kali sahaja, dan 100 kali pula di-jadikan 10 kali, sa-bagaimana dalam wirid Al-Alim Ar-Rabbani As-Syed As-Sheikh Abdul Kadir Al-Jailani (Rahimaullahu Ta'ala).

Di-sini dapat kita lihat betapa besar dan mulia kalimah shahadat di-sisi Allah dan Rasul Nya dan di-sisi para ulama juga umat Islam.

Umat Islam telah menjadikan hadith:

رضيت بالله ربا

itu suatu wirid di-bacha oleh mereka pada tiap2 pagi dan tiap2 petang dan juga pada malam hari bagi memohon Rahmat Allah Ta'ala supaya di-masokkan ka-dalam shorga.

Bahawa riwayat atau Sahih Al-Imam Al-Bokhari dan Muslim itu ada-lah sa-baik2 riwayat atau sabenar2 kitab sa-lepas Kitabullah (Al-Kor'an Al-Karim).

Telah ijma' ulama Islam bahawa kalimah:

لَا إِلٰهَ إِلَّا الله

itu ia-lah rukun yang pertama dari rukun Islam yang lima.

Dapat di-fahamkan dari apa yang telah di-perkatakan di-atas tadi bahawa لَا إِلٰهَ إِلَّا الله itu ada-lah suatu ayat Al-Kor'an dan suatu hadith Rasulullah juga suatu dasar ugama Islam dengan ijma' dan sekata umat Islam pada perkara tersebut.

### ANTI UGAMA ISLAM

Barangsiapa menyenda2, mengolok2, menghina dan merendah2kan sa-suatu perkara yang thabit ada-nya dalam Al-Kor'an atau thabit ada-nya dalam hadith2 Rasulullah atau thabit ijma' umat Islam pada-nya, maka jelas-lah orang yang menyenda2, mengolok2, menghina dan merendah2kan itu, dengan tiada shak lagi sa-bagai orang yang anti ugama Islam (ugama Allah), dan choba mendustakan Allah dan Rasul Nya Sayidina Muhammad (sallallahu 'alaihi wasallam).

Barangsiapa yang mendustakan Allah atau Rasul Nya nyata-lah ia orang kafir, dan jika ia sa-orang Islam maka dengan sendiri-nya ia telah murtad dan keluar dari ugama Islam ia-itu menurut kaedah yang di-tunjokkan oleh Al-Imam An-Nawawi dalam Al-Minhaj di-atas tadi. Maksud murtad itu pula ia-lah terkeluar orang itu dari Ugama Islam dengan sebab niat kufur atau perchakapan kufur atau perbuatan kufur, samada terbit daripada-nya dengan chara bersenda2 atau di-sebabkan kedegilan atau dari i'tikad-nya yang salah.

Oleh yang demikian, termasok dalam erti kata kekufuran ia-lah menulis perkataan لَا إِلٰهَ إِلَّا الله di-atas selipar atau sa-umpama-nya yang di-pandang hina.

WALLAHU A'ALAM.



TULISAN "kalimah shahadat" dalam bentok sa-orang yang sedang dudok membacha tahiyat dalam sembahyang. Mustahak di-ingat bahawa "kalimah shahadat" itu ada-lah wajib di-hormati dan di-pelihara dari terchemar.




# BERHIJRAH DENGAN AZAM BARU

KITA menguchap shukor alhamdulillah kerana dengan limpah rahmat-Nya jua kita umat Islam di-negeri ini telah dapat melaksanakan berbagai-bagai achara sambutan sempena memperingati kedatangan tahun 1400 Hijrah atau kurun ke-15 Hijrah. Sa-bagaimana yang tuan2 sekalian sama2 maklom bahawa di-antara tujuan2 besar sambutan2 itu di-adakan ia-lah bagi menyemarakkan lagi shi'ar Islam di-negeri ini dan pada menambah serta meningkatkan lagi kesedaran dan semangat berugama di-kalangan semua perengkat orang2 Islam dengan chara meluaskan ilmu dan amalan2 ajaran-nya di-perengkat rasmi dan tidak rasmi dengan sa-tegas2-nya.

Sa-telah kita berpenat-penat menggunakan fikiran, tenaga, wang, dan sa-bagainya untok melaksanakan achara2 sambutan tersebut ada-kah patut kita biarkan sambutan2 itu berlalu begitu sahaja tanpa meninggalkan apa2 jua kesan yang baik kapada diri kita masing2? Ada-kah sa-sudah perayaan itu kita chuba berusaha memperbaiki sikap, amalan dan perbuatan2 kita sa-laras dengan tuntutan2 ugama kita?

Sa-sunggoh-nya jawapan bagi soalan2 itu ada-lah terletak kapada diri kita masing2. Dan alang-kah kechewa-nya kita jika sambutan2 itu berlalu bagaikan awan berarak yang akhir-nya hilang begitu sahaja sedangkan kesan-nya tiada berbekas kapada kita.

Tujuan pada meninggi dan meningkatkan lagi kesedaran dan semangat berugama di-semua perengkat umat Islam itu ada-lah diharapkan supaya umat Islam bertambah-tambah menyedari akan tanggong-jawab masing2 terhadap ugama dan bertambah-tambah semangat untok menghayati ajaran2 Islam dengan mematohi dan mengamalkan surohan2 Allah s.w.t. sa-bagai hamba terhadap tuhan-nya di-dalam semua lapangan kehidupan.

Kempen2 yang telah dan sa-bahagian-nya terus di-jalankan sa-umpama kempen ibadat, kempen sembahyang Jumaat, kempen sembahyang jemaah, kempen memakai songkok, kempen memakai tudong, pameran bagi menghindarkan penyalah-gunaan dadah serta perjudian dan minuman keras, dan lain2 itu semua-nya patut-lah menjadi pengajaran dan iktibar bagi kita pada meneruskan amalan2 yang baik itu sahingga menjadi sebati kapada diri kita. Kerana dengan jalan sa-demikian baharu-lah ada makna-nya kita berkempen dan dengan demikian kita dapat meningkatkan lagi kesedaran dan semangat berugama dan meningkatkan lagi shi'ar Islam.

Sa-sunggoh-nya kita memerlukan banyak lagi perubahan2 yang perlu kita buat sa-lain daripada perkara2 yang kita sebutkan tadi, ini termasok-lah soal2 memperdalam pengetahuan ugama, memperluas pengajaran dan penggunaan tulisan jawi dan meluaskan penyesuaian bagi sa-tiap kerja yang kita buat dan lakukan agar sa-laras dan tidak berchanggah dengan kehendak2 ugama kita, dan meninggalkan apa2 jua yang di-larang oleh Allah s.w.t.

Semangat hijrah Nabi Muhammad s.a.w. dari Mekah ka-Medinah patut-lah di-jadikan titik tolak bagi kita mengadakan perubahan2 tertentu yang terus-menerus sa-bagai sa-orang Islam yang benar2 tahu akan tanggong-jawab terhadap ugama. Hijrah itu mengajar kita supaya terus-menerus mengadakan perpindahan dalam erti kata berpindah dari perkara2 yang di-larang oleh Allah s.w.t. kapada mengerjakan perkara2 yang di-suroh oleh Allah s.w.t. Rasulullah s.a.w. telah menegas umat Islam supaya berbuat demikian sa-bagaimana hadith Baginda yang bermaksud:

*"Orang yang di-namakan berhijrah itu ia-lah orang yang meninggalkan kejahatan".*

Sabda Baginda lagi dalam satu hadith lain yang bermaksud: *"Orang Islam itu ia-lah orang yang terselamat, orang2 Islam yang lain daripada kejahatan lidah dan tangan-nya, dan orang yang di-namakan berhijrah itu ia-lah orang yang meninggalkan barang yang di-larang oleh Allah".*

Jadi, bersempena kedatangan abad ke-15 Hijrah itu dan mengambil sempena ia-itu dari peristewa hijrah Rasulullah s.a.w. dari Mekah ka-Medinah 1400 tahun yang lalu itu, mari-lah kita berazam sa-mula dengan semangat baru dan tekad yang baru untok memperbaiki diri kita masing2, mana2 yang kurang baik dengan penoh kesedaran dan tanggong-jawab serta dengan jujor dan ikhlas. Mudah-mudahan masharakat Islam akan bertambah-tambah tegoh rohani dan jasmani dan bersemarak-lah ajaran2 dan shi'ar2 Islam di-negeri ini.

# Melakukan Perkara2 Kebajikan

TENTU-NYA kita pernah mendengar orang menyebut-nyebut "Alah bisa tegal biasa". Dan mungkin bila saja di-sebut2 kita telah tahu makna-nya. Erti-nya, kalau kita sudah biasa dengan sa-suatu itu, maka ia mudah kita lakukan sebab ia berupa suatu perkara yang malar kita lakukan.

Memang tidak di-nafikan, jika kita sudah biasa tentu perkara itu mudah bagi kita sebab sudah biasa. Dan kalau tidak di-buat pula tentu 'keunjaran'.

Dalam perkara ini kita boleh ambil dua chontoh. Pertama melakukan sa-suatu kewajipan dan kedua-nya pula melakukan sa-suatu yang tidak baik dan bertentangan pula dengan ajaran2 Ugama Islam.

Dalam melakukan perkara2 yang berkebajikan saperti melakukan surohan2 ugama, tentu-lah wajib kita lakukan. Memang pada mula-nya kita akan berasa janggal dan kekok sebab kita belum biasa membuat-nya, tetapi bila sudah biasa ia tidak akan menjadi soal lagi. Sembahyang mithal-an-nya, ia merupakan rukun kedua Islam yang lima, kalau kita telah biasa melakukan-nya kerana kepatohan kewajipan maka ia tidak-lah merupakan suatu yang sukar untok di-lakukan. Makan nasi mithal-an-nya; kebiasaan bagi kita di-sebelah sini makan nasi dua kali sa-hari ia-itu makan tengah hari dan makan malam. Tentu-nya kita tidak akan lupa untok makan bila telah tiba waktu-nya, sebab telah biasa. Begitu juga dengan sembahyang, kalau kita sudah biasa kita akan membuat-nya apabila saja masok waktu kerana kita telah biasa dengan-nya.

Dalam hal yang lain, puasa mithalan-nya, kalau kita sudah biasa mengerakkan kewajipan ini, maka ia tidak akan menjadi soal bagi kita. Tapi kalau tidak biasa dan tidak mahu membiasakan maka akan timbul-lah sa-ribu satu alasan untok lari daripada-nya.

Begitu-lah kenyataan-nya. Tapi apa yang selalu kita dengar ia-lah alasan yang ingin lari daripada-nya, payah-lah, itu-lah dan ini-lah. Pada hal kalau kita sudah biasa dengan perkara2 itu ia tidak menimbulkan apa2 persoalan lagi. Macham makan nasi tadi, kita tidak lupa pada makan bila sudah tiba waktu-nya.

Kemudian kita ambil lagi satu chontoh yang lain ia-itu mengenai mengerjakan kemungkaran. Dalam hal ini mungkin kita pernah menerima jawapan dari sa-seorang bila kita menasehati-nya supaya jangan membiasakan terus melakukan kemungkaran itu. Meminum minuman yang memabokkan mithalan-nya, bila kita menasehati-nya ia akan mengatakan: 'payah sudah biasa ani, dan kalau inda minum sa-hari bekajaran tuboh badan."

Ani-tah alasan yang sering kita dengar. Ia tetap akan membuat sa-bagaimana kebiasaan-nya walau pun ia telah tahu bahawa meminum minuman yang memabokkan itu ada-lah haram. Pada hal kalau di-fikir2-kan alasan tersebut ada-lah suatu alasan yang senghaja di-ada-adakan kerana terlalu sayang untok memisahkan diri daripada-nya. Tetapi mesti-lah kita ingat bahawa yang haram itu tetap haram dan barang siapa yang engkar, dan tidak memperdulikan larangan2 Allah tunggu-lah pembalasan yang maha pedih daripada-Nya.

# Bingkisan minggu ini

Dan ini-lah suatu kebiasaan yang patut di-kikis. Tidak ada guna-nya bagi kita membiasakan sa-suatu yang tidak berfaedah dan bertentangan dengan ajaran2 Islam. Dan sa-balek-nya, biasakan-lah diri kita melakukan sa-suatu surohan kerana ia mendatangkan sa-suatu kebaikan buat diri kita. Kalau-lah dulu-nya kita begitu mudah membiasakan diri dengan sa-suatu kemungkaran, maka kita hijrahkan kemudahan membuat kemungkaran itu kapada membuat sa-suatu kewajipan.

Tentu-nya lama kelamaan segala surohan2 ugama itu akan menjadi sa-darah sa-daging dengan kita. Dan tidak-lah menjadi kejangalan dan kekekokan lagi. Oleh yang demikian pergunakan-lah 'Alah bisa tegal biasa' itu di-tempat yang bertul dan sesuai agar dengan itu kita akan menjadi orang yang ta'at dan takwa kapada Allah s.w.t.

Firman Allah dalm surah Al-Maidah ayat 35 bermaksud: *"Hai orang2 yang beriman, bertakwa-lah kapada Allah dan chari-lah jalan yang mendekatkan diri kapada-Nya, dan berjihad-lah pada jalan-Nya, supaya kamu mendapat keberuntongan".*

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 30hb Januari, 1980 hingga ka-hari Selasa 5hb Februari, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini:**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 30hb Jan | 12.39 | 3.59 | 6.36 | 7.47 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 31hb Jan | 12.39 | 3.59 | 6.36 | 7.47 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 1hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 2hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 3hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 4hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 5hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |

**Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**



TUTONG. — Bertempat di-rumah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Sura Hj Abd Manan bin Mohammad di-Kampong Panchor Papan pada malam Jumaat lepas telah berlangsong satu majlis pengIslaman bagi sa-orang pemuda Dusun, Count bin Jainang. Dia kini di-kenali sa-bagai Aliudin bin Abdullah dan melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Haji Abd Wahab bin Mohammad.

Turut hadhir dan sa-terus-nya memberi uchapan di-majlis itu termasok-lah Haji Mohd Murad bin Abang Ali, Pemangku Penguasa Penerangan dan Tabligh, Brunei, Awang Haji Bolhassan bin Hj Md Jair Kadhi Daerah Tutong. Sementara Awang Haji Chuchu bin Penglima Asgar pula telah menyampaikan chenderamata dari Majlis Ugama Islam, Brunei.

Sa-belum upachara pengIslaman di-jalankan, para hadhirin di-majlis itu telah juga sama2 menunaikan sembahyang fardhu Maghrib. Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an dan berzikir telah juga di-adakan.

Di-hari yang sama bertempat di-rumah Awang Saidi bin Bugal, Kampong Kapok, Jalan Muara, telah juga berlangsong satu majlis pengIslaman bagi sa-orang gadis Kedazan, Doris Aron, 19 tahun. Ketika melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Matserudin, Doris memileh nama Islam-nya sa-bagai Dayang Azlina bte Abdullah (Gambar atas — JHEU).

Majlis itu telah di-hadhiri oleh beberapa orang pegawai dari Bahagian Penerangan dan Tabligh, Brunei.



**GAMBAR atas menunjokkan saudara baru Tong Fah yang telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Mohammad Said bin Abdullah ketika melafadzkan ikrar Islam di-hadapan Khatib Jaafar bin Ibrahim bertempat di-surau Balai Bomba Seria (Gambar JHEU).**




RAJAH di-atas ada-lah menunjokkan sistem jalanraya yang telah di-ranchang untok mengurangkan kesesakan lalulintas di-Batu 1, Jalan Tutong.

Jabatan Kerja Raya kini sedang menjalankan kerja2 pembaikan sementara ka-atas sa-bahagian jalanraya di-hadapan Komplek Membeli-belah Seri. Kerja2 tersebut melibatkan pembenaan sa-batang jalanraya baru sa-jajar dengan Jalan Tutong.

Kerja2 menchat garisan jalan serta pemasangan tanda2 jalanraya sedang giat di-selenggarakan. Apabila jalan baru itu di- buka kapada lalulintas, ia-nya akan di-gunakan untok kenderaan2 yang pergi ka-kawasan Tutong dari Bandar Seri Begawan.

Jalan Tutong yang sedia ada di-hadapan Komplek Seri itu akan di-jalankan jalan satu hala untok pemandu2 yang pergi ka-Bandar Seri Begawan.

Pemandu2 yang akan pergi ka-Komplek Seri ada-lah di-kehendaki menggunakan kemudahan Pusingan 'U' yang di-sediakan di-sepanjang jalan tersebut.

# PENUNTUT2 PTE LAWAT AMDB

BERAKAS. — Sa-ramai 30 orang penuntut dari Pusat Tingkatan Enam, Jalan Gadong telah mengadakan lawatan sa-hari ka-beberapa bahagian Markas Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei pada hari Khamis yang lalu.

Rombongan tersebut telah di-ketuai oleh sa-orang pensharah di-pusat berkenaan, Awang Hawarth dan di-bantu oleh dua orang pensharah yang lain.

Antara markas pasokan AMDB yang di-lawati oleh penuntut2 itu ia-lah Pusat Latehan Perkhemahan Bolkiah, Pengkalan Angkatan Laut Pertama di-Muara dan Chawangan Udara serta Pasokan Battalion Pertama di-Perkhemahan Berakas.

Lawatan mereka itu ada-lah khas di-ator oleh Jabatan Pelajaran dengan kerja-sama Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang bertujuan untok menggalakkan dan menarek minat penuntut2 di-negeri ini supaya memasoki kerjaya tentera terutama sekali pegawai kadet di-samping untok memperlihatkan kapada penuntut2 itu sa-chara dekat tentang perkembangan dan kemajuan yang telah di-chapai oleh pasokan AMDB sejak 19 tahun yang lalu.

Pusat Latehan Perkhemahan Bolkiah merupakan tempat pertama mereka lawati. Di-pusat itu rombongan pelawat2 telah di-sambut oleh Pegawai Pengambilan Pasokan, YDM Pehin Datu Maharaja Lela Mejar Dato Haji Musa bin Haji Yaakob serta pegawai2 kanan pasokan AMDB. Sa-lepas itu mereka telah di-beri taklimat mengenai sharat2 dan kelayakan2 serta pengalaman2 yang di-kehendaki bagi memasoki kerjaya tentera yang telah di-sampaikan oleh Pehin Mejar Dato Haji Musa bertempat di-dewan tayang pasokan tersebut.

Sa-lepas menerima taklimat mereka di-bawa melawat ka-komplek elektronik bagi menyaksikan sa-chara dekat perjalanan2 sistem elektronik saperti radio dan sa-bagai-nya. Kemudian penuntut2 itu di-beri kesempatan untok menambak target dan tin2 kosong dengan menggunakan senapang M16 bertempat di-Panggong Tembak pusat itu.

Kira2 pukol 10.20 pagi rombongan itu telah di-bawa ka-Pangkalan Angkatan Laut Pertama di-Muara dengan menggunakan pesawat helikopter. Di-Pangkalan itu penuntut2 itu telah di-bawa melawat ka-beberapa bahagian pasokan. termasok-lah bengkel membaiki motor sangkut dan kapal2. Mereka juga di-beri kesempatan menaiki kapal2 pasokan tersebut saperti KDB Waspada dan KDB Masna.

Lawatan mereka berakhir di-Perkhemahan Berakas di-mana mereka telah di-bawa melawat ka-bahagian Chawangan Udara dan Battalion Pertama. Di-markas Battalion Pertama penuntut2 itu telah menyaksikan beberapa pertunjokkan dari beberapa bahagian pasokan saperti Pasokan Tentera Jalankaki, pasokan semboyan, pasokan penembak dan meninjau kereta perisai Scorpion yang telah di-tunjokkan oleh Skuadron Kereta Perisai yang berpengkalan di-Battalion Kedua Perkhemahan Tutong.

Sa-panjang lawatan sa-hari suntok itu, rombongan tersebut telah di-iringi oleh empat orang pegawai kanan AMDB ia-itu YDM Pehin Datu Maharaja Lela Mejar Dato Haji Musa, Kaptan Sharbini bin Sunggoh, Kaptan Ahmad bin Yahya dan Pegawai Waran II Rajab.

Sementara itu satu rombongan dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin juga akan mengadakan lawatan yang sama pada 7hb Februari depan.



KELIHATAN penuntut2 PTE ketika mendengar penerangan dari Mejar Jagger (membelakangi kamera kanan) di-Bahagian Elektronik Bolkiah Kem dalam mengalu2kan rombongan itu yang di-sambut oleh YDM Pehin Dato Mejar Haji Musa (membelakangi kamera kiri). Lain gambar semasa lawatan itu di-siarkan di-muka 15.

# Mashuarat Agong Kesatuan Pegawai2 Rendah Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kesatuan Pegawai2 Rendah Kerajaan Brunei akan mengadakan mashuarat agong-nya kali yang ke-10 pada 3hb Februari ini bertempat di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Hj Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan di-jangka akan merasmikan mashuarat tersebut yang bermula jam 8.00 pagi.

Turut beruchap dalam majlis itu termasok-lah Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Sahibol Karib Pengiran Anak Idris, Pesurohjaya Buroh yang juga sa-laku Pegawai Pendaftar Kesatuan2 Sekerja Negeri Brunei dan uchapan Awg Abu Bakar bin Hj Ishak, Yang Dipertua Kesatuan.

Terkandong antara ajenda2 akan di-binchangkan dalam mashuarat itu ia-lah perlantekan ahli2 Jawatan-kuasa tadbir kesatuan bagi tahun 1908/1982, membinchangkan minit mashuarat kali yang ke-9. laporan tahunan kesatuan, laporan kewangan, usol dan chadangan2 yang di-hadapkan kapada pehak2 berkenaan dan beberapa perkara chadangan yang berbangkit.

Kapada ahli2 kesatuan dan kaki-tangan kerajaan dari bahagian tiga, empat dan lima ada-lah di-persilakan hadhir ka-majlis tersebut pada hari dan masa yang di-tetapkan.

# Sambutan Maulud anjoran Pelajar Kelas Dewasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pelajar2 Kelas Dewasa Kor'an dari Jabatan Penjara, Jabatan Kerja Raya (Bahagian Bangunan), Jabatan Perikanan, Kampong Sungai Besar dan Kampong Sungai Buloh di-Daerah Brunei dan Muara pada hari Sabtu, 9hb Februari ini akan mengadakan sambutan Maulud kali kedua bertempat di-dewan Penjara Jerudong.

Sambutan yang akan bermula pada jam 7.30 malam itu di-jangka akan di-rasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, Kadhi Besar, Brunei.

Achara kemunchak yang akan menyerikan sambutan pada malam itu nanti ia-lah forum yang akan membinchangkan bachaan Al-Kor'an yang di-sembahkan oleh qari undangan Tuan Haji Ismail bin Hashim, johan qari antarabangsa.

Para penal terdiri Anuar Zainal akan membinchangkan kandongan, rengkasan dan huraian; Ustaz Hj Khalidi bin Abd Karim membinchangkan bahagian tajuid; Ustaz Hj Abdul Kadir Awang membinchangkan suara dan lagu; Ustaz Jamaludin bin Ismail membinchangkan fashahah, lanchar dan tartil sementara Hj Awang Damit bin Hj Kawang akan bertindak sa-bagai pengerusi.

Kapada pelajar kelas Kor'an ada-lah di-persilakan menghadhiri sambutan berkenaan dan mereka yang berhajat boleh-lah menghubongi: Pengiran Merali bin Pengiran Ismail di-Sekolah Ugama Sultan Abdul Bubin, Kampong Sungai Besar; Pg Timbang bin Pg Tajuddin di-penjara Jerudong; Awg Ibrahim bin Momin di-Jabatan Perikanan.

Awang Mat Yassin bin Abd Rahman di-Jabatan Kerja Raya, Bahagian Bangunan; Pg Zaini bin Pg Hj Kamaluddin di-Maktab SOAS dan Pg Petra bin Pg Tajuddin di-kampong Sungai Buloh.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 30HB JAN.

PAGI

8.08 PEMBUKAAN
8.09 SUSUNAN RANCHANGAN
8.10 SIARAN TERUS MENERUS ACHARA KEMUNCHAK MENYAMBUT MAULUD NABI DI-PADANG BESAR B.S.B. "MENGHAYATI ISLAM DENGAN PENOH KEIKHLASAN".
11.10 GAMBUS
11.40 SIARAN TAMAT.

PETANG

3.00 PEMBUKAAN
3.01 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
3.13 SUSUNAN RANCHANGAN
3.15 TAYANGAN FILEM MELAYU — "Taqdir"
5.00 KAP KAP UDANG
5.30 ANIMAL WORLD — "The Birds Have Won"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 DR WHO — "The Mask of Mandragona" — Bahagian kedua
6.36 AZAN MAGHRIB
6.40 BEWITCHED — "Sam the Sculptress" Endora menghidupkan patong yang dibuat oleh Samantha.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN M.D. — "Pilot"
7.47 AZAN ISHA
7.51 TRAPPER JOHN M.D. — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 ACHARA KEMUNCHAK MAULUD "MENGHAYATI ISLAM DENGAN PENOH KEIKHLASAN" — siaran ulangan.
9.30 DOC: "Year of the Prophet"
10.30 ROAD TO MOSCOW
11.30 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 31HB JAN.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BIG BLUE MARBLE
5.30 SPIDERMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 BIG LEAGUE SOCCER
6.36 AZAN MAGHRIB
6.40 BIG LEAGUE SOCCER — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CENTENNIAL
7.47 AZAN ISHA
7.51 CENTENNIAL — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAULUD DI-KUALA BELAIT: MENGHAYATI ISLAM DENGAN PENOH KEIKHLASAN.
9.00 DUNIA MINGGU INI
10.00 TAYANGAN FILEM MELAYU
12.00 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 1HB FEB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 PINOCHIO
5.00 CHILDREN'S WORKSHOP
5.30 THE MUPPETS — "James Coco"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SPACE SENTINELS — "The Time Travellers"
6.26 THE GREEN HORNET
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 THE GREEN HORNET — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DONNY AND MARIE
7.48 AZAN ISHA
7.15 DONNY AND MARIE SHOW sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 MAULUD DI-TUTONG: MENGHAYATI ISLAM DENGAN PENOH KEIKHLASAN.
9.00 DICK EMERY SHOW
9.30 HAWAII FIVE O — "Legacy of Terror" Kumpolan Five-O menchari pembunoh sa-orang pedagang impot yang tua-dahulu-nya sa-orang pengintip Jepun di-Hawaii sa-belum serangan ka-atas Pearl Harbour. Pedagang impot ini di-katakan merupakan satu2-nya orang yang mengetahui tempat persembunyian emas yang hilang sejak Perang Dunia II.
10.20 SHADOWS OF FEAR — "Repeat at Leisure"
11.10 SIARAN TAMAT.



TAYANGAN gambar Malam Sabtu kali ini menghidangkan filem "STAR" yang mengemukakan bintang2 teragong dalam dunia perfileman saperti Julie Andrews, Richard Grenna, Michael Craig dan banyak lagi.

Gambar atas menunjokkan Julie Andrews dengan sa-kumpolan penari2 beraksi dalam tayangan gambar "Star" yang akan di-tayangkan hari Sabtu ini kira2 jam 8.50 malam.

## SABTU — 2HB FEB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 KUM KUM — "The Wedding" Apabila Kum Kum dan Kuru Furu pulang ka-rumah dari mengintip rumput, mereka mendapat Roman di-sana. Ia bertanya Paru Paru untok meminang Furu Furu tetapi tidak mendapat kebenaran-nya.
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 WARISAN

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TARGET — "Fringe Banking" Nackett merasa yakin bahawa Chaz Carter menghadapi satu tugas yang besar dan apabila sa-orang pegawai kerajaan yang berkedudokan tinggi terchedera dalam perlanggaran, ia mula menyedari hubongan di-antara rompakan sa-juta paun dan satu tawaran.
7.48 AZAN ISHA
7.52 TARGET — sambongan
8.30 MAULUD DI-TEMBURONG: MENGHAYATI ISLAM DENGAN PENOH KEIKHLASAN.
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.50 TAYANGAN MALAM MINGGU: "Star"
11.20 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 3HB FEB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 ROAD TO WEMBLEY
5.30 READING WITH LENNY
5.45 AL-KESAH
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 YOGI'S GALAXY GOOF-UPS "The Space Punter"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 SCIENCE INTERNATIONAL

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE DUKE — "The Zoo Under the Wacker St. Bridge"
7.48 AZAN ISHA
7.52 THE DUKE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 WILDLIFE SAFARI
9.00 MUTIKA
9.50 WOMEN IN WHITE — Bahagian kedua.
11.50 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 4HB FEB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HERE COMES MUMFIE
5.15 MIGHTY HERCULES
5.30 POSITIVE SOCCER
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS



PERNELL Roberts yang memainkan peranan dalam "TRAPPER JOHN M.D." sa-buah siri baru yang akan di-tayangkan pada malam ini jam 7.15 malam.

6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 THE LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 PETROCELLI — "Mirror, Mirror on the Wall" Petrocelli membela sa-orang gadis jelita di-atas tudohan membunoh dan dengan menghairankan sekali mendapati bahawa ia mempunyai sa-orang saudara kembar yang juga di-shakki.
7.48 AZAN ISHA
7.52 PETROCELLI — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 PUSPARAMA
9.40 ROAD TO MOSCOW
10.30 LOU GRANT — "Mob"
11.10 SIARAN TAMAT

## SELASA — 5HB FEB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 VISION ON
5.30 BATTLE OF THE PLANETS — "Capture Galaxy" Presiden Galaktik Council di-cholek dalam kapalterbang-nya sendiri walau pun G. Force menjaga-nya.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 BLAKE'S SEVEN — "Cygnus Alpha" Di-atas kapal ia-lah Zen, sa-buah komputer yang berchakap, Blake menuju ka-Cygnus Alpha dalam tugas untok menyelamat dan menemui sa-orang pemimpin yang memikirkan diri-nya ada-lah Tuhan.
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 BLAKE'S SEVEN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 A MAN CALLED SLOANE — "The Seduction Squad"
7.48 AZAN ISHA
7.52 A MAN CALLED SLOANE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.15 CORAL JUNGLE
10.05 CLIFF HANGERS
10.55 PERLAWANAN GUSTI
11.40 SIARAN TAMAT.



DARI Studio 'B' Radio Brunei, ranchangan 'Combo RTB' ka-udara sa-chara langsong sa-lama 45 minit pada hari Ahad 27hb Januari jam 1.00 tengah hari yang lalu. Turut menjayakan dan memaniskan ranchangan itu ia-lah Yasmin Yusoff, bekas ratu dan penyanyi piring hitam dari jiran tetangga kita. Yasmin (gambar atas) mendendangkan tiga buah lagu untok peminat2-nya di-negeri ini.

Penyanyi terkenal bekas Juara Bintang Radio dan Mutika, S. Ros menjadi juru achara dan menyampaikan beberapa buah lagu di-ranchangan itu. Dan sa-orang lagi penyanyi bakat baru dalam Seni Suara, Alirahman Haji Salat turut menjayakan ranchangan tersebut. Untok peminat2 yang tidak sempat mengikuti ranchangan siaran asal-nya itu, ulangan-nya akan dapat di-ikuti pada Hari Ahad, 3hb Februari 1980, jam 1.00 tengah hari. Penerbit ranchangan Zaini Md Yusoff dari Bahagian Hiboran.

## Talk on Islam on the English Service

AS from next month the English Service of Radio Brunei will introduce a series of talks on Islam presented by Ustaz Fadhulullah Wilmot, a Muslim missionary. Among the topics he's going to give are, Islam — its history and development, the history of Hijrah, Islam in the modern society, Ibnu Sinna and many more.

In conjunction with the Prophet Muhammad's birthday he has chosen the subject of "Muhammad, the Prophet of Islam" to be broadcast on Friday 1st of February at 11.00 am. and its repeat is on Sunday evening at 8.30 pm. So don't forget to tune in every Friday morning at 11.00 am for "Voice of Islam" on the English Service of Radio Brunei.





SIRI untok kanak2 BATTLE OF THE PLANETS yang di-tayangkan pada tiap2 hari Selasa jam 5.30 petang.

## Enam peserta lagi ikut bertanding dalam Pertandingan MUTIKA '80 bahagian ka-enam

LIMA siri ranchangan suku akhir Mutika '80 telah sama2 kita ikuti dan minggu ini sa-ramai enam peserta lagi akan bertanding. Dua peserta dari Daerah Belait dan empat dari Daerah Brunei-Muara. Dari Belait, Ak Ali bin Pg Hamid akan membawakan dua buah lagu, Bunga Pujaan dan Bang Genit. Peserta kedua juga dari Belait, Dk Faridah bte Pg Damit mendendangkan lagu2 sentimental yang berjudol Gugor Mu Di-tangkai Madu dan Oh Mengapa.

Ini kemudian-nya di-susoli pula dengan pemenang ketiga Mutika 77, Hamidoon Metusin dengan persembahan-nya Bing dan sa-buah lagu Inggeris, You Light Up My Life. Fanalis tahun 1978, Saadiah bte Haji Gazali sekali lagi menchuba bakat-nya dengan menyanyikan lagu2 Ku dan Peminat dan You Are My World.

Peserta kelima dengan membawakan lagu2 Rindu Bayangan dan Jangan Di-Tanya ia-lah Ak. Metussin bin Pg Haji Serudin. Dan peserta yang terakhir dalam ranchangan ini ia-lah sa-orang pendatang baru, Dayang Rosnah bte Juru Haji Md Yusof yang akan menyampaikan lagu Bahtera Karam dan Chinta Dari Pandangan Mata Mu.

Jangan lupa mengikuti ranchangan ka-enam ini hari Ahad ini sa-lepas Warta Berita Melayu. Dan siapa-kah di-antara mereka yang berjaya melayakkan diri unotk memasoki perengkat sa-paroh akhir kelak ? Sama2-lah kita nantikan keputusan-nya dalam ranchangan ka-sepuloh kelak.

## Travel Log — every Monday at 1.15p.m

IF you like travelling and would like to know more about places of interest where you can visit or intend to visit why not tune in to this programme in which we will take you to different places each week.

To start this series we will take a trip to London where you can meet Jennifer Lai who will guide with information on the beauty, things to see and what to do in London. So join us every Monday at 1.15 pm. Happy travelling.

## Pemenang "Apa

APA pendapat Awda bertajok : **Sesuaikah Kaum Wanita Kita menuntut persamaan hak dengan Kaum Lelaki** telah di-siarkan pada Hari Jumaat, 18hb Januari 1980 yang lalu. Penerbit Apa Pendapat Awda, telah banyak menerima pendapat2 dari para peminat. Dari sa-banyak itu, hanya tiga pendapat saja yang terpileh. Pendapat yang memenangi tempat pertama ada-lah hasil karya Awang Hidop bin Muhammad Zin, beralamat Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan, Brunei. Di-bawah ini ada-lah pendapat beliau : —

*Nampak-nya kesan2 kemunchulan dan perkembangan Sains dan Teknoloji yang kian memunchak, sa-chara tidak langsong telah membawa perubahan taraf dan peranan wanita ka-arah penutopan persamaan hak di-segenap bidang yang sa-lama ini di-monopoli oleh kaum lelaki.*

*Pada hakikat-nya, penutopan perasaan hak di-kalangan kaum wanita terhadap kaum lelaki tidak-lah bersalahan, asalkan tuntutan2 itu bersesuaian dan kena pada tempat-nya serta tidak bertentangan dengan undang2 dan hukum2 ugama.*

# RANCHANGAN PERPINDAHAN: MENGELAKKAN DARI "RUMAH SIAP PAHAT BERBUNYI"

MENURUT borang2 penyelidekan yang telah di-edarkan dua tahun yang lalu, menunjokkan hampir enam belas ribu keluarga yang melibatkan hampir sa-ratus ribu raayat dan pendudok di-negeri ini telah berkehendakkan tanah dan rumah. Walau bagaimana pun, Kerajaan harus berhati2 dalam memproses sa-tiap borang penyelidekan itu; kerana mungkin ada di-antara pemohon itu yang sudah mempunyai rumah atau tanah dan sebagai-nya.

Memandangkan tanah dan rumah itu amat penting kapada raayat dan pendudok di-negeri ini, maka barang sudah tentu pengurusan ranchangan perpindahan itu mesti-lah lebeh baik dan terator. Oleh sebab itu, untok menyelamatkan ranchangan yang berkebajikan ini, tidak harus ada penyelewangan dari segi apa sekali pun berlaku. Soal penyelewangan dalam hal ini, amat lumrah kita dengar, ia-itu, bukan saha-ja di-lakukan oleh peneroka2-nya tetapi juga pehak kakitangan2-nya. Oleh itu memang-lah kena pada tempat-nya bagi pehak yang berwajib mengambil tindakan disiplin yang keras bagi mengelakkan sa-barang penyelewangan itu. Penyelewangan ini juga mungkin berlaku akibat ketiadaan perubahan mental yang sehat di-kalangan yang berkenaan pada melaksanakan amanah Kerajaan.

Para peneroka ranchangan perpindahan itu juga nanti mesti-lah menganggap rahmat yang mereka nekmati dari Allah melalui Kerajaan dengan segala infrastruktur-nya sa-bagai suatu rahmat bukan saja bagi keluarga mereka tetapi juga jenerasi muda yang akan mewarisi harta dari titik peloh mereka itu sendiri. Oleh sebab itu, mesti-lah ada rasa tanggong-jawab atau penghargaan dari mereka kapada Kerajaan, kerana ranchangan perpindahan yang telah dan yang akan di-laksanakan itu, memberikan harga diri kapada mereka sa-bagai raayat yang memileki harta tanah dan rumah. Dan ada-lah kurang adil dan kurang bijaksana para peneroka ranchangan ini yang mendapat rahmat dari Kerajaan, tanpa mengenang budi bak kata pepatah "saperti kachang lupakan kulit".

Saperti yang telah di-beritakan pada keluaran yang lalu, bahawa ranchangan perpindahan yang baru ini akan di-berikan terlebeh dahulu kapada kakitangan2 Kerajaan dan ia-nya akan di-susuli oleh sa-tu borang permohonan.

Menurut Pengarah Perpindahan, YAM Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sememang-nya berhasrat untok mengusahakan ranchangan perpindahan yang baru itu dengan seberapa segera yang boleh. Tetapi usaha ini terpaksa melalui beberapa proses penyelidekan dan teknikal dan agak sedikit memakan masa, kerana ia-nya merupakan projek besar dan jangka panjang. Alasan yang sedemikian itu memang lojik kerana jika ranchangan perpindahan yang baru itu di-buat sa-chara tergesa2 sahingga menjejaskan ranchangan tersebut, maka ia-nya akan menjadi ristaan yang burok — ini yang kita tidak ingini — "rumah siap pahat berbunyi"

## KAWASAN2 PERPINDAHAN

Kawasan2 yang telah di-chadangkan untok ranchangan perpindahan ini serta keluasan-nya ada-lah saperti berikut: Kampong Rimba sa-luas 2,106 ekar, Kampong Lambak Kanan sa-luas 1,116 ekar dan Pengkalan Sibabau sa-luas 383 ekar, ketiga2-nya dari Daerah Brunei dan Muara. Bagi Daerah Belait; Kampong Pandan sa-luas 560 ekar, Lurong Tengah sa-luas 640 ekar dan kawasan Sungai Liang sa-luas 400 ekar. Daerah Tutong ia-lah sa-luas 1,200 ekar sementara bagi Daerah Temburong di-dua kawasan masing2 sa-luas 285 ekar dan 108 ekar.

Kawasan2 yang tersebut sekarang ini dalam proses penyelidekan berhubong dengan pensesuaian tanah dan kerja2 penyelidekan itu akan siap dalam jangka enam bulan dari sekarang.

## MAJLIS DIALOG

Antara beberapa chadangan perpindahan itu sebelum di-laksanakan ia-lah majlis dialog. Ia-nya akan di-adakan dengan peserta2 ranchangan tersebut. Tujuan-nya, untok lebeh mendekatkan dan memudahkan di-samping mensesuaikan kehendak2 yang timbul dari ranchangan itu, terutama masaalah reka bentok dan jenis rumah serta harganya. Ia-nya juga akan di-sesuaikan dengan pendapatan kakitangan2 kerajaan dan orang ramai yang terlibat dan dengan berbuat demikian ia-nya akan dapat menyelesaikan kesulitan mereka, terutama dalam pembayaran balek.

Di-samping masaalah pembayaran balek, majlis itu juga di-hasratkan untok menyelesaikan masaalah sosial yang berbangkit dari ranchangan perpindahan itu saperti: Jalanraya, sekolah, pasar, kedai, klinik dan lain2 kemudahan untok peneroka ranchangan tersebut.

## HARGA2 RUMAH

Ada-lah di-chadangkan harga2 rumah di-ranchangan perpindahan itu saperti berikut:—

Kelas E — $15,000 hingga $20,000; Kelas D — $20,000 hingga $30,000; Kelas C — $30,000 hingga $40,000; Kelas B — $40,000 hingga $50,000; Kelas A — $50,000 hingga $60,000; Kelas AX $60,000 ka-atas.

Untok perhatian bahawa harga2 tersebut hanya-lah suatu chadangan dan kemungkinan harga2 itu samada akan di-tambah atau di-sebalek-nya ada-lah bergantong kapada keadaan jua, lebeh2 lagi sekarang ini harga barang2 keperluan bangunan sa-makin melambong naik.

(BERSAMBONG)



SA-BAHAGIAN dari kakitangan Bahagian Reka Bentok, Jabatan Perpindahan, sedang menjalankan tugas mereka bagi melancharkan lagi kerja2 ranchangan perpindahan baharu yang sekarang ini dalam proses.



MODAL kawasan perpindahan Pengkalan Sibabau, lengkap dengan kemudahan jalanraya, bekalan ayer, api letrik dan lain2 yang akan di-sediakan oleh Kerajaan bagi kesenangan peneroka ranchangan perpindahan kawasan tersebut.



KEDUA2 gambar ini menunjokkan jenis2 rumah yang akan di-sediakan bagi peserta ranchangan perpindahan, yang sedang dalam proses, menurut keadaan serta keupayaan peserta ranchangan itu masing2. Harga2 rumah itu pada gambaran kasar-nya ada di-muat dalam ranchana ini; bagaimana pun, ketetapan-nya terpulang kapada keadaan dan keputusan muktamat-nya nanti.

# OPPORTUNITIES FOR SCHOOL

In 1980 Brunei Shell will have a range of opportunities for young Bruneians who have compl
many instances partly overseas, to all successful applicants. The opportunities are varied and will appe

◆ Be aged between 17 years and 23 years on 1st July, 1980 ◆ Be citizens of His Highness

## INDUSTRIAL TRAINEES





The Industrial Trainee Scheme is designed to provide young men with the basic technical skills necessary to fit them for careers as Technicians or Artisans in the Oil Industry. The course lasts for three years and it begins with training in basic Engineering for the first year. This is followed by specialist training in Mechanical Engineering, Instrument Engineering or Electrical Engineering, which may be in the Technician or Artisan stream depending upon the demonstrated ability of trainees during the first year.

A selected number of outstanding trainees will be given the opportunity of spending a year overseas in a Technical College in the U.K.

Applicants should be educated to a minimum level of Form III and preference will be given to those who have completed Form V in the Science stream.

Representatives of the Company will be holding information sessions on Friday, 1st Febru

If you are interested in joining any of the above schemes you should, if at all possible, at
Passport (if you have one) and your Identity Card together with details of any examinations taken so

If you are unable to attend one of these information sessions you should write giving

Personnel Planning
Brunei Shell Petrole

Candidates are free to apply to join more than one of the schemes, but applicants should in any event clearly state in w

# LEAVERS WITH BRUNEI SHELL

d their education and who wish to start a career in the oil industry. Extensive training will be given, in o a wide range of school leavers. However successful candidates will all have the following in common :—

Sultan of Brunei or eligible to become citizens. ◆ Have a good command of Malay and English

## MARINE CADETS

The Marine Cadet scheme was instituted in 1978 and represents an excellent opportunity for Brunei Citizens to obtain the necessary qualifications to be eligible for senior positions with the Marine Department of Brunei Shell Petroleum Company Limited.

Initial pre-sea training of 4 months will be held at Singapore Polytechnic, and this will be followed by several years at sea with either Shell Tankers (U.K.) Limited or a major shipping company in order to gain the necessary sea-time and experience to acquire professional certificates.

You are invited to apply if you are interested in a Marine career, are prepared to spend several years at sea and meet the following specifications :

- Male Brunei Citizen.
- Possess GCE 'O' Level passes (or equivalent) in Mathematics, Physics (or Chemistry) and English Language, (or awaiting relevant results.)
- Good eyesight.



## TRAINEE AIR TRAFFIC CONTROLLERS

Brunei Shell Petroleum operates a fleet of 3 S61N helicopters which, together with visiting flights to and from the Company's airfield at Anduki, require a team of trained licensed Air Traffic Control Officers. After 6-9 months general familiarisation and on-the-job training at Anduki, successful applicants will be sponsored on a full Air Traffic Control licensing course lasting 3 months in the United Kingdom, before returning to Brunei as a student controller.

If you are interested in training to be an Air Traffic Controller and meet the following requirements you are invited to apply :

- Brunei Citizen.
- Possess GCE 'O' Level passes (or equivalent) in Mathematics, Physics and English Language (or awaiting relevant results).
- Able to meet C.A.A. medical requirements for an Air Traffic Control Officers Licence.



## TRAINEE HELICOPTER PILOTS

This scheme offers an exciting opportunity for young Bruneians who are interested in becoming one of the pilots flying the Company's fleet of helicopters which support the extensive offshore operation.

The successful applicants will spend a short period of familiarisation at the Company's airfield in Anduki, followed by a year at a C.C.A. recognised training school in the United Kingdom gaining a Commercial Pilots licence for helicopters. On successful completion of the course candidates would then be sent for conversion training on Sikorsky S61Ns, the helicopters currently operated by Brunei Shell, in order to pass the C.C.A. type rating exams in both flight and ground subjects. Upon successful completion of this training, employment would be offered, as a co-pilot initially, with progression thereafter to Captain.

The successful applicants will :

- Be Brunei Citizens.
- Possess GCE 'A' Level (or equivalent) in Mathematics, and preferably Physics together with GCE 'O' Level (or equivalent) in English Language, (or awaiting relevant results).
- Be able to meet the C.A.A. medical requirements for a Commercial Pilots licence.



1980 at 10.00a.m. at the S.O.A.S. College, Main Hall in Bandar Seri Begawan and at the S.R.C. in Seria.

d one of these sessions at which application forms will be distributed. You should bring with you your you will be able to complete the form accurately and without delay.

ull details of age, citizenship and examinations to :—

partment, (BB/7)
Company Limited, SERIA.

n of the schemes they are interested. The closing date for receipt of written applications will be Monday, February 4th.

# KETETAPAN HARGA KERETA TOYOTA

UNTOK panduan dan ma'aloman orang ramai khas-nya pembeli2 di-negeri ini bahawa Pengawal Harga baru2 ini telah bersetuju menurunkan harga2 kereta di-Sharikat NBT (BRUNEI) LTD. yang berjual kereta jenis Toyota dengan susunan harga2 saperti berikut di-bawah ini : —

| JENIS KERETA (*Type of Cars*) | HARGA JUALAN (*Showroom Selling Price*) | | HARGA JUALAN PENOH (*Selling Price On The Road*) | |
|---|---|---|---|---|
| | LAMA (*Old*) | BARU (*New*) | LAMA (*Old*) | BARU (*New*) |
| TOYOTA COROLLA STANDARD Model : KE 70R EEKRS (1300 c.c.) Headrest, seat belts, cigarette lighter, bumper overriders, wheel hub caps fabric seat cover, side — buffer strip etc. | $ 9,900.00 | $ 9,400.00 | $10,313.00 | $ 9,805.00 |
| TOYOTA COROLLA DELUXE Model : KE 70R EEMDS (1300 c.c.) 5-gearbox speeds, radical tyres, wing mirror, rear de-mister, air-blower, fabric seat cover, bumper overriders, side-buffer strips, headrest, seat belts, radio, cigarette lighter and centre console | $10,850.00 | $10,200.00 | $11,282.00 | $10,615.00 |
| TOYOTA COROLLA COUPE Model : KE 70R ECMDS 5 gearbox speeds, radial tyres, wing mirror, rear de-mister, air-blower, fabric seat cover, headrest, seat belts, radio, cigarette lighter, bumper over-riders, side buffer strip and centre console | $11,600.00 | $10,950.00 | $12,041.00 | $11,384.00 |
| TOYOTA COROLLA STATION WAGON. Model : KE 70RG EWKRS | $10,600.00 | $ 9,950.00 | $11,023.00 | $10,365.00 |
| TOYOTA CARINA DELUXE Model : TA 40-R AEKDS (Non A/Cond) Radial tyres, outer mirror benztype, console box, AM radio, cassette car stereo, seat belt, clock, carpet, cigarette lighter and blower | $12,140.00 | $11,550.00 | $12,623.00 | $12,035.00 |
| TOYOTA CARINA DELUXE Model : TA 40R AEKDS Radial tyres, air-condition, outer mirror, console box, AM radio, cassette car stereo, seat belts, clock, carpet and cigarette lighter | $13,580.00 | $12,900.00 | $14,080.00 | $13,412.00 |
| TOYOTA CORONA 1800 SALOON. Model : TT 132R TEMDS (Non A/Cond) Radial tyres, radio AM/FM, cassette car stereo, cigarette lighter, auto clock turning, carpet, seat belts and rear defogger | $13,235.00 | $12,550.00 | $13,768.00 | $13,076.00 |
| TOYOTA CORONA 1800 SALOON. Model : TT 132R TEMDS. Air-condition, radial tyres, radio AM/FM, cassette car stereo, cigarette lighter, auto clock turning, carpet, seat belts and rear window defogger | $14,585.00 | $13,850.00 | $15,127.00 | $14,403.00 |
| TOYOTA CORONA STATION WAGON. Model TT 132 RG TWKRS (Non A/Con) Radial tyres, collapsible rear seat | $13,840.00 | $13,150.00 | $14,373.00 | $13,676.00 |
| TOYOTA CORONA STATION WAGON. Model TT 132 RG TWKRS. Air-condition, radial tyres, collapsible rear seat | $15,170.00 | $14,400.00 | $15,721.00 | $14,953.00 |
| TOYOTA CORONA 1800 LEFT-BACK. Model : TT 132R TLMDS (Non A/Cond), Radial tyres, radio AM/FM, cassette car stereo, rear window wiper and washer, rear defogger, cigarette lighter, auto clock turning, carpet and seat belts | $13,750.00 | $13,000.00 | $14,292.00 | $13,526.00 |
| TOYOTA CORONA 1800 LIFT-BACK. Model : TT 132R TLMDS Air-condition, radial tyres, radio AM/FM, cassette car stereo, rear window wiper and washer, rear defogger, cigarette lighter, auto clock turning, carpet and seat belts | $15,075.00 | $14,300.00 | $15,644.00 | $14,853.00 |
| TOYOTA CRESSIDA SEDAN DL Model: RX 30R EKD (A/Con) Radial tyres, AM radio, cassette car stereo, carpet, cigarette lighter, clock, rear defogger, outer mirror, centre console | $15,410.00 | $14,650.00 | $16,004.00 | $15,226.00 |
| TOYOTA CRESSIDA STATION WAGON. Model : RX 35R WKR (Non A/Cond) 6.45 x 14" cross-ply tyres cigarette lighter, wing mirrors, arm rest and collapsible rear seat | $13,540.00 | $12,850.00 | $14,079.00 | $13,390.00 |
| TOYOTA CRESSIDA STATION WAGON. Model : RX 35R WKR Air-condition, 6.45 x 14" cross-ply tyres cigarette lighter, wing mirror, arm rest and collapsible rear seat | $15,200.00 | $14,450.00 | $15,773.00 | $15,017.00 |

Orang ramai boleh-lah melihat jadual harga2 kereta yang telah di-persetujui yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pehak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga2 kereta yang di-tunjokkan di-setiap buah kereta yang ada di-bilek pameran (show-room) tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pehak yang berkuasa Pengawal Harga ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan, talipon nombor 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 ajen penjual kereta yang telah menyalah gunakan jadual harga kereta yang telah di-tetapkan itu.

## Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 24hb Januari, 1980.

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. LADA KERING — $3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Ming Thai Company, No. 32, Jalan Sultan.
   b) Leong Huat, No. 57, Jalan Sultan.
2. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : — Sharikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier.
3. KACHANG MERAH — $1.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Lam Seng, No. 3, Jalan McArthur.
   b) Liong Yu Company, No. 58, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT :**

1. LADA KERING — $3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.
   d) Chin Fatt, No. 60-B, Jalan Pretty.
   c) Sharikat M. Haji, No. D-2 Bangunan Dewan Perdagangan China.
2. BAWANG BESAR — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Eng Soon Seng, No. 58, Jalan Pretty.
   b) Foh Soon, No. 60-A, Jalan Pretty,

**SERIA :**

1. LADA KERING — $3.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   a) Poh Sing, No. 65, Jalan Bunga Kuning.
2. BAWANG BESAR — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Yuan Ho Hing, No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
   b) Poh Sing, No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
3. KACHANG MERAH — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : — Chop Yick Ho, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 2hb Feb. hingga 5hb Feb. 1980

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Birau | 2.2.1980 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 2.2.1980 | Sabtu | 2.45– 3.45 " |
| Sekolah Melayu Lamunin | 2.2.1980 | Sabtu | 4.00– 5.00 " |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 4.2.1980 | Isnin | 2.00– 3.00 " |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 4.2.1980 | Isnin | 3.30– 4.30 " |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 5.2.1980 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak | 5.2.1980 | Selasa | 10.30–11.30 " |



KAMPONG Jerudong akan mempunyai sa-buah Sekolah Ugama sementara apabila ia siap kelak. Kerja2 mendirikan tiang bagi sekolah itu telah di-adakan pada minggu lalu di-tapak bangunan itu berhampiran dengan Masjid Kampong Jerudong.

Kerja2 memuchang2 mendirikan tiang itu telah di-ulukan oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Khatib Abdullah, Penguasa Pelajaran Ugama Brunei.

Bangunan sekolah sementara itu menelan belanja kira2 $22,000 dan akan di-bena sa-chara bergotong-royong oleh pendudok2 kampong tersebut.

Gambar atas kelihatan Awang Haji Abdul Rahman (No. 6 dari kanan) dan pendudok2 kampong menadah tangan mengaminkan do'a selamat atas terlaksana-nya kerja mendirikan tiang bagi bangunan sekolah tersebut.

# intisari RTB minggu ini



...JGAN 'Gambus Muqaddam' pimpin-
...aji Mashud bin Haji Awang Damit
...antara beberapa ranchangan radio
... di-siarkan pada hari ini sempena
... perayaan Maulud Nabi di-negara
...u siaran-nya akan di-umomkan dari
...semasa dalam siaran harian Radio

## ...Brunei Graduates this week



...U YAKUB BIN PENGIRAN OTHMAN who gra-
...977 with BA (Hons) Economics and now a Lecturer
...h Form Centre will be talking to us in tomorrow's
... BRUNEI GRADUATES. This week's programme
...ition in the series goes on air tomorrow at 12.45
... be repeated on Sunday 27th January at 8.00 pm.

## ...ndapat Awda"

*...erti yang di-tegaskan dalam Al-Kor'an, Allah ...mbebaskan wanita, dan menentukan hak2 asasi ...dengan tegas, sesuai dengan sifat kewanitaan ... Ini termasok-lah hak2 dalam berpolitik, uru- ...nasharatan, pendidekan, pentadbiran, perniaga- ...sa-bagai-nya.*

*...nun demikian, walau pun Islam menempatkan ...a-taraf yang tinggi, tetapi mereka tidak betul2 ...af dan hak-nya dengan kaum lelaki. Ada hak2 ...khaskan untok lelaki saja. Umpama-nya; Sa- ...tua (pemimpin), Kadi, Wali, Imam dan lain2, ...ak2 saperti ini tidak di-untokkan bagi wanita.*

*...impulan-nya, sesuai atau tidak-nya wanita kita ...t hak2 persamaan dengan kanm lelaki, saya rasa ...ng-lah kapada hukum2 alam dan hukum2 ...dan ia-nya harus-lah di-landaskan kapada ke- ...ebenaran dan kejujoran yang tidak mengakibat- ...uaian, kelalaian dan permusohan pada mana2*

...nikian pendapat 'Apa pendapat Awda' yang ...ngi hadiah pertama atas tajok: Sesuaikah ...Vanita Kita menuntut persamaan hak dengan ...Lelaki. Pemenang pertama menerima hadiah ...hadiah kedua $25.00 dan hadiah ketiga $20.00.

# RANCHANGAN TVP DARI 4HB – 9HB FEBRUARI

## ISNIN — 4HB FEB.

**PAGI**

9.20 'SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI'
'Hidupan di-Ayer 3'
Dalam ranchangan ini murid2 akan di-tunjokkan chara2 menangkap ikan di-laut dengan menggunakan pukat tunda dan menangkap ketam di-sungai dengan menggunakan bintor. Kedua2 chara ini telah di-amalkan oleh nelayan2 kita di-Brunei sa-bagai salah satu mata pencharian.
Di-akhir ranchangan murid2 di-bawa melawat ka-Akuariam Hassanal Bolkiah untok memerhati chara2 ikan bergerak di-dalam ayer.

10.30 KAP KAP UDANG 11
Ranchangan ini di-muatkan dengan ruangan2 :
a) MENONGGANG KUDA—Lawatan ka-tempat pembenaan. Di-sini kanak2 boleh nampak jentera2 saperti kereta sorong, kereta pengangkut tanah dan sa-bagai-nya.
b) LIHAT DAN PERHATI — ruangan untok menguji ingatan kanak2 dan kali ini mereka di-suroh mengingati perkara2 yang mereka telah lihat di-tempat pembenaan.
c) KATA SI-MANIS — Kanak2 mengikut arahan2 SI-MANIS.
d) PAK LONG — Kanak2 mengikut gerak-geri Pak Long.
e) SIRI PERMULAAN — Che'gu Sa'diah akan membachakan cherita dari buku yang bertajok "Kereta'.
f) CHERMIN SAKTI — Saperti biasa Che'gu Sa'diah berkenal mesra dengan kanak2 di-sekolah dan di-rumah dengan menyebut nama2 mereka.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 11

## SELASA — 5HB FEB.

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Hidupan di-Ayer 3'

10.30 KAP KAP UDANG 12
Ranchangan ini di-muatkan dengan ruangan2 :
a) BERLAKUN — Kanak2 akan mengolahkan gerak-geri jentera2 ketika menolak atau menyorong tanah.
b) KERJA TANGAN — Dalam ruangan ini Che'gu Sa'diah akan menunjokkan chara2 membuat rumah dari kotak serbok penchuchi.
c) BERMAIN BAKUL — ia-itu gerak-geri untok mengimbang bakul di-atas kepala.
d) SI-MANIS — kali ini SI-MANIS berpesan supaya kanak2 bermain di-tempat selamat.
e) GAMBAR DAN SEBUTAN — Kanak2 belajar menggunakan huruf 'a' dengan bantuan gambar2.
f) CHERMIN SAKTI — saperti biasa Che'gu Sa'diah berkenal mesra dengan kanak2 di-sekolah dan di-rumah dengan menyebut nama2 mereka.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 12

## RABU — 6HB FEB.

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Hidupan di-Ayer 3'

10.30 KAP KAP UDANG 13
Ranchangan ini di-muatkan dengan ruangan2 :
a) BOLA TUMBOK — kanak2 akan bermain bola tumbok sambil menyanyi lagu 'Saya Main Bola'
Lagu: Saya main bola
Saya main bola
Lihat kawan2
Saya main bola
Jangan ketinggalan.
b) TUNJOK BENDA — Kanak2 akan menunjokkan benda2 yang mereka bawa dari rumah.
c) AMINAH — Kanak2 akan memakaikan baju pada gambar Aminah yang di-sediakan.
d) MAIN BELON — Kanak2 akan bermain dengan belon sambil menyanyi.
e) YANG MANA SATU GANJIL — Kanak2 meneka gambar yang ganjil dalam tiap2 kumpolan gambar.
f) CHERMIN SAKTI — saperti biasa Che'gu Sa'diah berkenal mesra dengan kanak2 di-sekolah dan di-rumah dengan menyebut nama2 mereka.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 13.




Gambarajah-gambarajah menunjokkan kapal menarek pukat.

## KHAMIS — 7HB FEB.

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Hidupan di-Ayer 3,

10.30 KAP KAP UDANG 14
Ranchangan ini di-muatkan dengan ruangan2 :
a) IKUT KETUA — Che'gu Sa'diah dan kanak2 di-studio akan jadi ketua bergilir2. Ketua akan melakukan gerak-geri yang kemudian-nya di-ikuti oleh kanak2 yang lain.
b) PAPAN HIKMAT — Kanak2 memileh gambar yang betul untok soalan yang di-berikan.
c) PETI SURAT — Surat yang di-kirimkan oleh kanak2 akan di-bachakan oleh Che'gu Sa'diah.
d) BERSENAM
e) CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 14

## SABTU — 9HB FEB.

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 15
Ranchangan ini di-muatkan dengan ruangan2 :
a) MAIN KERUSI — Satu permainan berebut kerusi dengan iringan musik.
b) MAIN BANG — Kanak2 bermain dengan gambar. Bila ada gambar yang sama kanak2 akan berteriak 'BANG'.
c) KETUA KESELAMATAN — ia-itu ruangan sivik. Ruangan kali ini bertajok PISAU.
d) AMIN — Kanak2 memakaikan baju pada gambar Amin.
e) HALAMAN BERCHERITA — Cherita pada kali ini bertajok 'Monyet dengan Pisau Chukor'.
f) CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 15.

---

**RANCHANGAN2 TVP tidak akan di-pancharkan pada sebelah pagi ini kerana chuti Maulud Nabi. Ranchangan Kap Kap Udang akan di-siarkan pada sebelah petang pada pukol 5.00 bukan pada pukol 4.30 saperti yang di-siarkan.**

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## Mulai dari hari Rabu 30hb. Jan. hingga hari selasa 5hb. Feb.

### RABU

PAGI : 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dunia Minggu Ini (SU); 8.30 — Permintaan Pagi Rabu; 9.30 — Lagu dan Senikata; 10.00 —Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Pilehan Ku; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Hiboran; 11.30 — Autograph Pendengar. T/HARI : 12.00 — Surat Dari London; 12.15 — Senandong Ria — Azan Dzohor; 12.30 — Senandong Ria; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Al-Kisah; 1.30—Sa-Iring Jalan. PETANG: 200.—Siaran Melayu Di-Tamatkan. 5.00 — Untok Belia; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Asli; 6.00 — Mukkaddam — Azan Maghrib (menunaikan sembahyang); 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM : 7.00 — Dalam Kenangan (SU); 7.30 — Dendang Tumasek; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30—Pesta Ria/Suara dari Bintang2 (SU); 9.00 — Majallah Shell (SU); 9.30 — Hiboran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

### KHAMIS

PAGI : 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Rampaian London; 8.15 — Hiboran; 8.30 — Melody Adek ku (SU); 9.00 — Tafsir Al-Koran; 9.30 — Rampai Sari Hiboran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Selingan; 10.30 — Al-Kisah; (SU); 11.00 — Lagu2 Asli Asia; 11.30 — Chitrawara. T/HARI : 12.00 — Lagu2 Panduan (Duty Ann) — Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu-kah Awda; 1.30 — Mari Menyanyi. PETANG : Siaran Melayu Di-Tamatkan; 5.00 Majallah Ugama/Kemuskilan Ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Lagu2 Dakwah; 6.00 — Mukkadam — Menunaikan Sembahyang Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM : 7.00 — Permainan Gambus; 7.30 — Hidayat — Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Sandiwara Radio (SU); 9.00 — Permintaan Malam Khamis; 9.30 — Tetamu Minggu Ini (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

### JUMAAT

PAGI : 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Pertanian dan Perikanan; 8.30 — Mari Menyanyi (SU); 9.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.30 — Diang Dangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Soalan Di-Udara; 10.30 — Dari Kampong Ka-Kampong; 11.00 — Kursus Al-Koran; 11.30 Keluarga Jaya. TyHARI : 12.00—Lagu2 Dakwah; 12.15 — Bachaan Al-Koran; 12.30 — Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat; 1.15 — Qasidah; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Permainan Gambus (SU). PETANG : 2.15 — Varia Peristewa; 2.30 — Combo RTB/Sinar Chahaya; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa Pendapat Awda; 3.30 — Tafsir Al-Koran—Azan Asar; 4.00 — Bahas Ka-Sekolah; 4.30 — Chitrawara; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mukkadam — Menunaikan Sembahyang Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM : 7.00 — Cherpen dan Salokan; 7.30 — Hiboran; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun (SU); 9.00 — Permintaan Sukaramai; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

### SABTU

PAGI : 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Soalan Di-Udara; 8.30 — Dendang antara Bangsa; 9.30 — Apa Pendapat Awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran; 10.30 — Sa-Iring Jalan (SU); 11.00 — Majallah Shell; 11.30 — Berdendang Dengan Ku. T/HARI : 12.00 — Dunia Mingu Ini — Azan Dzohor; 12.30 — Hiboran Tengah Hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Hujong Minggu. PETANG : 2.00—Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU); 2.30 — Lagu dan Senikata (SU); 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Hiboran Pilehan; 3.30 — Cherpen dan Salokan (SU) — Azan Asar; 4.00 — Bersama Kami; 4.30 — Chitrairama; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 lama; 6.00 — Siri Mukkaddam — Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : 7.00 — Dari Kampong Ka-Kampong (SU); 7.30 — Lagu2 Asli Asia (SU) — Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Purbawara; 9.00 — Tunas Pendidek (SU); 9.30 — Titian Sastera/Budaya Kita; 9.45 — Rampaian Malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

### AHAD

PAGI : 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dunia Wanita; 8.30 — Pesta Pop Minggu Ini; 9.00 — Teman Mekar; 9.30 — Apa Pilehan Awda; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Titian Sastera/Budaya Kita; 10.30—Pencharagam Tempatan; 11.00—Siswazah Brunei; 11.30—Album Penyanyi. T/HARI : 12.00 — Sandiwara Radio—Azan Dzohor; 12.30 — Hiboran Rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Suara Bintang/Pesta Ria; 1.30 — Ruangan Ketani; 1.45 — Pilehan Instrumental. PETANG : 2.00 — Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun — Azan Asar; 3.45 — Sokan dan Olahraga; 4.15 — Dari Sekolah Ka-Sekolah; 4.45 — Pilehan Juruhebah; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mari Berzikir; — Azan Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini (SU). MALAM : 7.00—Suara Parajurit—Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Gurindam Jiwa; 9.00 — Tahu-kah Awda (SU); 9.30 — Permintaan Sukaramai; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi; 10.07 — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

### ISNIN

PAGI : 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Dalam Kenangan; 8.30—Rampai Sari Hiboran; 9.00 — Antara Bangsa; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang Dengan Ku; 10.30 — Sains dan Perusahaan; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Bingkisan Tanah Ayer. T/HARI : 12.00 — Komintar Radio; 12.15— Rampaian Tengah Hari — Azan Dzohor; 12.30 — Rampaian Tengah Hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Sukaramai; 1.30 — Tunas Pendidek. PETANG : 2.00 — Siaran Melayu Berhenti Rehat. 5.00 — Keluarga Si-Awang; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita 5.45 — Senandong Lagu2 Lama; 6.00 — Mukkaddam — Menunaikan Sembahyang Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM : 7.00 — Penyanyi Harapan; 7.30 — Bersama Kami (SU)—Azan Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita— Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Chitra Irama; 9.00 — Pertanian dan Perikanan; 9.30 — Dendang Muzika Melayu; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

### SELASA

PAGI : 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Suara Parajurit (SU); 9.00 — Permintaan Untok Wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London; 10.30 — Melody Adek-ku; 11.00 — Salam Mesra; 11.30 — Sekolah Ka-Sekolah. T/HARI : 12.00 — Ku Sampaikan Salam — Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00— Tamu Minggu Ini; 1.30 — Gurindam Lagu (SU). PETANG : 2.00 — Siaran Melayu Berhenti Rehat. 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran Petang; 6.00 — Mukkadam — Menunaikan Sembahyang Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM : Ruangan Ketani (SU); 7.30 — Album Penyanyi (SU) — Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30— Pancharagam; 9.00 — Dunia Wanita (SU); 9.30 — Hiboran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi— Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

### WEDNESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Lunch Music. NOON : 12.00 — Hits In Germany. PM : 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — The RTS Orchestra; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — You are What Your Eat — Programme 4: "The Universal Food" (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — Shape of the Future — Viviyanti Ali (repeat); 9.45 — The Magic of Manuel — Side 1; 10.00 — Close Down.

### THURSDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Radioscope New Year Edition (repeat); 11.45 — World of Education. NOON : 12.00 — My Music—202/215; 12.30 News; 12.45 — Brunei Graduates produced by Viviyanti Ali; 1.15 — What Fascinates Me by Jan Ong produced by Veronica Shim; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Theatre Forty-Five : "Turn, Turn, Turn" by Sheila Hedgson; 8.45 — Those were the Days by Jaafar Yaakub; 9.15 — News; 9.30 — Popular Classic — Programme 13 : "Overturns" (Romantic) by Hajjah Zainah; 10.00 — Close Down.

### FRIDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Voice of Islam : . Muhammad the Propet of Islam, 11.15 — From School To School produced by Tajul Ahmad; 11.45 — Light Music From the Netherlands. NOON : Radioscope by Viviyanti Ali. PM : 12.30 — News; 12.45 — My Word; 1.15 — Folktales and Legends of Borneo by Graham Saunders produced by Charan Chand; 1.30— Close Down. 8.00 — Opening Announcement—Instant Sunshine; 8.30 — Calling On You by Tajul Ahmad; 9.00 — Folktales and Legends of Borneo (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Dr. Finlay's Casebook; 10.00 — Close Down.

### SATURDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Stringsound; 11.30 — International Call. NOON : Many A Slip. PM : 12.30 — News; 12.45 — Making A Home produced by Nafisah Haji Ali; 1.15 — BBC World Report; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcemnt—The Practical World; 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 — A Handful of Dust by Evelyn Waugh; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

### SUNDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour by Veronica Shim; 11.30 — Top of the Pops (repeat). NOON : 12.00 — Women's World by Charan Chand. PM : 12.30— News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — "Two Away For No" by Nafisah Haji Ali; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Brunei Graduates (repeat); 8.30 — Voice of Islam : Muhammad the Prophet; 8.45 — The Young Sound by Tajul Amad; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Night's Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

### MONDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Hello Tomorrow; 11.30 — Music-Go-Round. NOON : 12.00—Dr In the House. PM : 12.30 — News; 12.45 — Science Potpourri produced by Charan Chand; 1.15 — Travel Log by Jaafar Yaakub; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The World of Books; 8.30 — Monday's Night Mail by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — The World of Books; 10.00 — Close Down.

### TUESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — BBC Sports Magazine; 11.15 — Housewives' Special; 11.45 — Just A Minute; NOON : 12.15 — Shape of the Future by Viviyanti Ali. PM : 12.30 — News; 12.45 — Music Impromptu — From East to West by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special "Dire Straits" 8.30 — Radioscope (repeat); 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — "Two Away For No" (repeat); 10.00 — Close Down.

## APA PILEHAN AWDA

DALAM ranchangan "Apa Pilehan Awda" minggu ini, peminat2 ranchangan ini akan dapat mengikuti lagu2 pilehan Dayang Rosnah binte Haji Yusof yang beralamat No. 14, Kampong Sultan Lama, Bandar Seri Begawan (gambar atas).

Lagu2 Pilehan Dayang Rosnah akan ka-udara pada hari Ahad 3hb Februari, 1980 jam 9.30 pagi.

# LAWATAN PTE KA-AMDB



MENGETAHUI dan memerhati sa-chara dekat segala bentok peralatan yang di-lengkapkan kapada Pasokan AMDB saperti yang kelihatan dalam gambar ini jelas membayangkan betapa pengalaman dan pengetahuan yang di-perolehi oleh penuntut2 berkenaan dapat meyakinkan kapada mereka bahawa anggota tentera kita juga berkemampuan mengendalikan apa jua bentok peralatan hubongan moden dan sofistikatet.



LAGI peralatan hubongan moden dan sofistikatet yang di-pergunakan di-Pasokan AMDB di-terangkan dan di-tunjokkan kapada penuntut2 ini agar dengan pengetahuan demikian mereka dapat mengerti betapa peralatan yang begitu lengkap benar2 berkepentingan bagi sa-sebuah pasokan tentera sa-jajar dengan kemajuan kelengkapan di-mana2 pasokan tentera negara lain.



DAN ini sa-lain dari kelengkapan hubongan itu tadi peralatan alat jentera dan pengangkutan tentera juga perlu di-majukan dalam mana jentera2 baru dan sofistikatet saperti kereta perisai Scorpion ini. Kechekapan pergerakan tentera kita juga sa-makin maju dan pantas dalam sa-barang operasi tentera.



KEMAHIRAN menembak dengan menggunakan berbagai alat senjata moden tidak kurang penting-nya perlu ada dalam diri sa-tiap anggota tentera kita. Meninjau di-Panggong Tembak oleh penuntut2 ini merupakan satu keuntongan besar bagi mereka bahawa sa-sunggohnya menembak tepat pada sasaran amat-lah perlu di-mileki agar sa-tiap musoh negara dapat di-tumpaskan dengan mudah.



SA-LAIN dari kelengkapan senjata, hubongan dan jentera, Pasokan AMDB juga terus di-permodenkan dengan pesawat2 helikopter jenis Bell buatan Amerika Sharikat. Dalam gambar ini kelihatan penuntut2 berkenaan meninjau Chawangan Angkatan Udara AMDB di-Perkhemahan Berakas.



DARI Perkhemahan Berakas mereka di-terbangkan dengan pesawat helikopter untok membuat tinjauan pula di-Angkatan Laut Pertama, Muara. Kelihatan dalam gambar penuntut2 ketika menaiki beberapa buah kapal dan bot2 peronda pasokan itu di-Dermaga Angkatan Laut AMDB.

## Pertandingan akhir badminton kebangsaan

# PBB JOHAN BERPASOKAN DUA KALI BERTURUT- TURUT

BANDAR SERI BAGAWAN. — Pasokan Persatuan Belia Bersatu telah munchol sa-bagai johan sa-kali lagi dalam bahagian berpasokan sa-telah menewaskan pasokan Perkota dengan empat permainan berbalas satu dalam pertandingan akhir Badminton Kebangsaan Brunei yang telah diadakan di-Dewan Pusat Belia di-sini pada malam Ahad yang baru lalu.

Persatuan Belia Bersatu telah memenangi empat permainan ia-itu menerusi pemain single Awang Mahmud bin Pengarah Digadong Haji Abu Bakar yang telah menewaskan Awang Majid bin Ahmad dan Awg Abd Rahman bin Pengarah Digadong Haji Abu Bakar yang telah menewaskan Awang Zakaria dan dua permainan yang lain-nya menerusi bahagian double ia-itu di-mana pasangan Awang Mahmud bin Pengarah Digadong Haji Abu Bakar dan Awang Shamsuddin bin Abdullah menewaskan Pasangan Awang Majid bin Ahmad dan Awg Abd Latif bin Awg Mohd Zain dan manakala pasangan Awang Abd Rahman bin Pengarah Digadong Hj Abu Bakar dan Awg Arif bin Haji Bolhassan menewaskan pasangan Awang Wahab bin Moksin dan Awang Zakaria.

Sementara pasokan Perkota hanya memenangi satu permainan ia-itu menerusi pemain single-nya Awang Wahab bin Moksin yang telah menewaskan Awai Shamsuddin bin Abdullah.

Tempat ketiga dalam bahagian berpasokan telah di-menangi oleh pasokan Kujaga.

Pertandingan buat kali yang ke-enam itu telah di-anjorkan oleh Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang ke-33 tahun.

Lebeh daripada 100 orang pemain tempatan telah turut serta dalam pertandingan itu yang mana pusingan awal telah di-jalankan sejak awal bulan Januari ini. Sa-banyak lapan bahagian telah di-pertandingkan ia-itu bahagian berpasokan, bergu champoran, bergu lelaki, bergu wanita, perseorangan lelaki, perseorangan wanita, perseorangan lelaki veteran 40 tahun ka-atas dan bergu veteran.

Dalam bahagian bergu champoran Pasangan Victor Leong dan Chiam Soo Fah telah munchol sa-bagai johan sa-telah menewaskan pasangan Chong Khee Cheong dan Margaret Foo dengan kiraan mata 17—15, 10—15, dan 15—8. Sementara tempat ketiga telah di-menangi oleh pasangan Wahab bin Moksin dan Kristina.

**BELIA DAN SOKAN**





WAKIL Persatuan Belia Bersatu, Pengiran Haji Mohammad bin Pg Badar, menerima piala pusingan badminton, johan berpasokan dari Ketua Pegawai Belia dan Sokan, Awang Talip bin Haji Baruddin (gambar atas). Gambar kiri, bergambar ramai dengan piala kemenangan masing2 sa-jurus pertandingan dan upachara penyampaian hadiah2 berakhir. Sementara gambar bawah ia-lah johan perseorangan badminton, Awang Wahab bin Moksin, telah menerima piala kemenangan-nya dari Ketua Pegawai Belia dan Sokan.

Manakala dalam bahagian perseorangan lelaki Awg Wahab bin Moksin telah munchol sa-bagai juara sa-telah menewaskan Koh Kum Seng dengan kiraan mata 15—11 dan 15—12.

Dayang Margaret Foo pula telah berjaya menjadi johan perseorangan bahagian wanita sa-telah menewaskan Dayang Hajjah Maraini binte Hj Murni dengan kiraan mata 11—5 dan 11—4 sementara tempat ketiga di-menangi oleh Dayang Sainah bte Nayan.

Johan dalam bahagian bergu lelaki telah di-menangi oleh pasangan Koh Kum Seng dan Richard Leong yang telah berjaya menewaskan pasangan Eddie Bell dan Ak Ishak bin Pengiran Mohammad dengan kiraan mata 15—9 dan 15—5.

Dalam bahagian bergu wanita pula johan telah di-sandang oleh pasangan Chiam Soo Fah dan Janet Bong yang telah menewaskan pasangan Jeanettie Sii dan Margaret Foo dengan kiraan mata 15—4 dan 15—8.

Sementara itu dalam bahagian perseorangan lelaki veteran, Awang Koh Mum Seng telah munchol sa-bagai johan sa-telah menewaskan Richard Leong dengan kiraan mata 15—6 dan 15—11.

Pasangan Richard Leong dan Koh Mum Seng telah berjaya menjadi johan bahagian bergu lelaki veteran sa-telah berjaya menewaskan pasangan Awang Dollah bin Chuchu dan Awg Emran bin Haji Hassan dengan kiraan mata 15—4 dan 15—6.

Hadiah2 kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Ketua Pegawai Belia dan Sokan, Awang Talip bin Haji Baruddin di-akhir pertandingan itu.



# PBKB DI-SERU SUPAYA BIMBING PEMAIN2 MUDA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain telah menyeru Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei supaya akan terus berusaha menyusun langkah2 dengan membimbing pemain2 badminton muda di-negeri ini dengan membanyakkan peluang2 perlawanan sama ada di-dalam dan di-luar negeri.

Ini kata-nya, ia-lah kerana pemain2 muda itu akan bakal menggantikan pemain2 yang ada dewasa ini dan untok menjadikan mereka pemain badminton yang baik dan mahir ada-lah mengambil masa yang panjang untok melateh-nya.

Beruchap di-perlawanan akhir badminton kebangsaan yang di-anjorkan oleh Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei di-Pusat Belia di-sini pada malam Ahad lalu, Yang Berhormat Pehin itu berharap supaya perlawanan badminton bagi tahun 1980 ini akan di-susun dengan rapi dan terator sa-telah menyedari kelemahan2 yang terdapat pada tahun2 yang sudah.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar juga telah mengingatkan kapada pemain2 yang kurang bernasib baik dalam pertandingan itu supaya jangan berputus asa bahkan hendaklah sentiasa bergiat dan berusaha demi untok memajukan permainan masing2 sa-taraf dengan pemain2 yang sudah maju dalam arena badminton.



Y. B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain.

Menyentoh mengenai pertandingan pada malam itu, Yang Berhormat mensifatkan bahawa pasokan yang memasoki pertandingan akhir itu sudah tentu mempunyai mutu permainan yang tinggi dan ini sudah sememang-nya mutu yang sa-demikian itu tidak akan dapat di-chapai tanpa latehan yang bersunggoh2 dan semangat kesokanan yang sedia ada pada diri mereka.

Dalam uchapan aluan-nya, Yang Dipertua Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei, Awang Haji Jaafar bin Haji Mohd Daud menjelaskan bahawa tahun 1980 ada-lah merupakan tahun yang penoh dengan chabaran kapada persatuan itu di-mana banyak pemain2 muda yang berbakat patut di-ketengahkan berdasarkan kapada perlawanan yang telah di-jalankan.

Oleh yang demikian, jelas beliau itu lagi, bakat mereka yang sedia ada itu harus-lah di-hargai dan di-beri sokongan moral, kerana mereka ada-lah bakal pemain negeri ini di-perengkat antarabangsa yang mana akan mengharumkan nama baik Negeri Brunei di-mata dunia dalam lapangan badminton.

Ka-arah ini, tambah beliau sa-lanjut-nya, walaupun kita tidak ada mempunyai gelanggang badminton yang tertentu untok mengasoh bakat2 baru itu tetapi ada-lah di-harapkan supaya perkara ini akan dapat di-usahakan dan di-fikirkan dengan lebeh serious lagi.

Menyentoh mengenai mutu permainan badminton di-negeri ini, Awang Haji Jaafar menjelaskan bahawa kita maseh jauh kekurangan terutama sekali dari segi teknik dan juga ketiadaan jurulateh yang berpengalaman untok melateh bakat2 baru yang sedang meningkat dewasa ini.

Walau bagaimana pun, tambah beliau lagi, pemain2 kita pada masa ini boleh-lah di-banggakan berdasarkan keupayaan pemain2 kita mengalahkan pemain2 dari beberapa buah negeri2 Afrika dalam perlawanan Badminton antarabangsa yang pernah di-adakan di-Thailand tahun 1978.

# BRUNEI LAWAN MELAKA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Kebangsaan Brunei dan Pasokan Melaka, telah bertemu dalam pertandingan Piala Malaysia. Keputusan-nya ialah Brunei 0 Melaka 0. Pertandingan tersebut telah di-langsongkan di-Stadium Hassanal Bolkiah, Jalan Gadong pada petang Khamis lalu.

Pertandingan Piala Malaysia ini juga telah di-langsongkan di-tempat yang sama Ahad lepas di-antara Brunei dengan Johor.

Kedudokan Brunei dalam pertandingan Piala Malaysia tahun 1980 ini lebeh cherah dari tahun yang lalu. Selangor ia-lah juara Piala Malaysia tahun lalu.



# Amaran Pulis kapada tuan2 punya kerbau yang berkeliaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pehak Pulis minggu ini telah memberikan amaran kapada tuan2 punya kerbau supaya jangan membiarkan kerbau2 mereka berkeliaran di-jalan2raya yang boleh mengakibatkan kemalangan. Menurut kenyataan itu lagi, dalam enam bulan lalu sa-banyak 45 kejadian kemalangan jalanraya melibatkan kerbau2 yang terbiar di-jalan2.

Dalam satu kemalangan di-Daerah Brunei-Muara, yang baru lalu, sa-orang telah terbunoh. Pulis telah memberi amaran kapada tuan2 punya kerbau yang di-dapati berkeliaran itu boleh di-denda sa-ratus ringgit bagi tiap2 sa-ekor dan pehak Mahkamah juga boleh memerintahkan-nya membayar ganti rugi kapada tuan2 punya kenderaan yang terlibat dalam kemalangan dengan kerbau.

Dalam satu kenyataan lain pula, pehak Pulis telah mengeluarkan perangkaan kemalangan2 jalanraya dan kemalangan jalanraya yang meragut jiwa tahun 1979 dan tahun 1978 : —

Dalam tahun 1979 yang lalu, 1519 kemalangan telah berlaku di-Daerah Brunei-Muara dan Belait berbanding dengan 1621 tahun 1978. Sementara korban jiwa tahun 1979 sa-banyak 38 berbanding dengan 33 pada tahun 1978.

Oleh kerana kemalangan2 itu, pehak Pulis sekali lagi mengingatkan orang2 ramai supaya berhati2 ketika menggunakan jalanraya.

# PENDAFTARAN NOMBOR2 KERETA LAMA TIDAK LAGI DI-BERI — Awang Omar



AWANG Omar Haji Serudin, Pemangku Pengawal, Jabatan Pengangkutan Darat.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pengawal Pengangkutan Darat Brunei, Awang Omar bin Haji Serudin, menyatakan kapada Pelita Brunei minggu ini bahawa Jabatan Kenderaan Darat tidak lagi membenarkan pemberian nombor2 kenderaan pendaftaran lama, ia-itu, B, BA, KB dan KA, yang mana kereta-nya sudah kondem atau tidak di-gunakan di-jalanraya lagi bagi di-gunakan mendaftarkan kereta baharu atau kereta2 lain.

Jabatan berkenaan juga tidak akan membenarkan kereta2 yang mempunyai nombor2 pendaftaran kenderaan itu yang maseh di-gunakan di-jalanraya di-daftarkan ka-kereta2 lain, jelas-nya lagi.

Kata-nya, "Pendaftaran nombor2 kereta lama yang sudah kondem atau tidak lagi di-gunakan di-jalan2-raya itu telah berjalan kuat-kuasa-nya mulai 26hb Januari, 1980 di-seluroh negeri."

Menurut beliau, pemberhentian mengeluarkan pendaftaran nombor2 lama itu, ia-lah bagi tujuan membolehkan pemusnahan dokumen2 lama dan penyusunan sa-mula daftar kereta2 dengan lebeh sempurna.

Sementara itu, Pelita Brunei juga di-beritahu pemberhentian pemberian lesen pemandu juga di-lakukan buat sementara mulai 26hb Januari, 1980 Sabtu lalu bagi tujuan memulakan pembaharuan sistem pemberian lesen memandu. Pemberhentian pemberian lesen pemandu sementara (lesen L) itu akan berjalan dari tarikh tersebut dan sa-lewat2-nya hingga bulan April 1980 akan datang.

## KENDERAAN TIDAK DI-GUNAKAN DI-JALANRAYA JUGA DI-DAFTAR DAN DI-LESENKAN

Dalam kenyataan-nya kapada Pelita Brunei, minggu ini, Pemangku Pengawal Pengangkutan Darat, Awg Omar bin Haji Serudin juga menyatakan bahawa dahulu terdapat sharikat2 menghendakkan kenderaan mereka saperti foklift dan lain2 di-daftarkan tanpa di-lesenkan atas alasan ia-nya tidak di-gunakan di-jalan2-raya awam. Bagi mengatasi kemungkinan kenderaan serupa itu di-gunakan di-jalan awam di-sebabkan terdapat nombor tergantong pada kenderaan tersebut, maka Jabatan Kenderaan Darat tidak akan lagi mendaftar kenderaan seumpama itu dengan tidak di-lesenkan sekali — tidak di-daftarkan, sebab-nya kenderaan itu tidak di-benarkan menggunakan jalan awam, jelas beliau.

Menurut Awang Omar, jika tuan2 punya sharikat hendak mendaftarkan kenderaan yang di-maksudkan, maka mereka hendak-lah berbuat kedua2-nya sekali, ia-itu, di-daftarkan dan di-lesenkan, bagi kenderaan yang layak.

## PEGAWAI2 KERAJAAN YANG BEBAS DARI CHUKAI J/RAYA

Menurut Pemangku Pengawal Pengangkutan Darat, Brunei, dalam satu memo-nya kapada ketua2 Pejabat, bahawa pada masa ini Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, tidak lagi menyediakan senarai tahunan pegawai2 yang di-bebaskan dari membayar Chukai Jalan Raya menurut perentah 1956 (Pengechualian) Undang2 Jalan Raya. Akan tetapi pegawai yang telah di-berikan kebenaran boleh di-teruskan pembebasan-nya bagi tahun2 berikut-nya dengan sharat ia maseh menggunakan kereta itu dan bertugas di-jabatan itu.

Bagi mengelakkan terdapat-nya pembebasan2 Chukai Jalan Raya yang tidak di-benarkan saperti pembatalan kebenaran, pemberhentian kerja dan sebagai-nya, Pemangku Pengawal itu mengharapkan supaya Ketua2 Pejabat memberikan pengesahan yang pegawai itu maseh berkhidmat dengan jabatan-nya dan kereta itu di-bebaskan dari pembayaran chukai jalan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan.

Di-maalomkan juga kapada Ketua2 Pejabat bahawa surat pengesahan hendak-lah di-sertakan bersama dengan borang pembaharuan chukai jalan abapila hendak membaharui-nya", jelas beliau.





# Jembatan baru Gadong

KEDUA2 gambar ini memperlihatkan sa-buah jembatan baru Gadong bagi menghubongkan perjalanan ka-Pusat Tingkatan Enam, Maktab Perguruan Hassanal Bolkiah, Gadong dan Jalan Kiulap. Jembatan yang panjang-nya 120 kaki dan menelan belanja satengah juta ringgit ini di-jangka siap pada tahun ini juga. Ia-nya akan menggantikan jembatan kayu yang maseh di-gunakan dan di-bena kira2 pada tahun lima pulohan dahulu.

Jika pembenan jembatan konkret baru ini siap nanti, ia-nya juga akan lebeh memudahkan serta mengurangkan kesebokan bagi perjalanan Gadong, Kiulap dan menuju ka-Jalan Tutong.

Kerja2 pembenaan jembatan ini di-selenggarakan oleh pemborong di-bawah pengawasan pehak berkuasa Jabatan Kerja Raya. Pembenaan jembatan tersebut di-mulakan pada tahun 1979 yang lalu.

# Peraduan Melukis Poster Keselamatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Keselamatan Jalanraya Brunei akan menganjorkan satu peraduan melukis poster keselamatan jalanraya. Peraduan tersebut ada-lah terbuka kapada penuntut2 sekolah dan maktab2 di-seluroh negeri.

Semua lukisan hendak-lah di-buat di-kertas tebal yang berukoran tidak kurang dari 18"x24" tetapi tidak lebeh dari 24"x30" dan mesti-lah berthemakan dan mempunyai unsor2 keselamatan jalanraya di-negeri ini. Satiap lukisan tidak di-benarkan mengandongi kata2 atau lukisan2 yang bertentangan dengan Undang2 dan Peratoran Negeri ini.

Pemenang pertama akan menerima hadiah wang tunai sa-banyak $200.00; kedua — $150.00 dan ketiga $100.00. Hadiah2 sagu hati sa-banyak $50.00 juga akan di-berikan kapada peserta2 yang terpileh.

Borang2 penyertaan kini sedang di-edarkan ka-sekolah2 dan maktab2. Borang2 tersebut hendak-lah di-letakkan di-belakang poster dan hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Majlis Keselamatan Jalanraya Negeri Brunei, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Gadong tidak lewat dari 28hb Februari, 1980.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Operater Teleprinter

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Operater Teleprinter di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya. Pemohon2 mesti-lah boleh bertutor dan menulis dengan faseh dalam bahasa Inggeris. Kelulusan menaip merupakan suatu kelebehan.

**Tugas2 :**

Pemohon2 yang berjaya di-kehendaki lulus kursus asas menggunakan teleprinter dalam tempoh tahun pertama mereka mula berkhidmat. Mesti-lah sanggup untok bertugas sa-chara begilir2 di-luar masa bekerja biasa kakitangan Kerajaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5 — $370-383-395-408-421-434-446-465-485-504 - 523 - 542 - 561-625-657-689-720 - 752 - 784/ EB/854-880-905-931 - 956 - 982 - 1007-1046-1071-1097-1122.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 3hb Mach, 1980.

(E/356/75) (Bil: 6/1980).

## KENYATA'AN TAWARAN

PEMBORANG2 ada-lah di-pelawa menghantarkan tawaran mereka untok membekalkan alat2 pembesar suara bagi untok Masjid2 yang berikut:—

a) Masjid Pekan Seria; dan
b) Masjid Hassanal Bolkiah, Tutong.

2. Tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-alamat Pejabat Kewangan, tingkat bawah Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat pada 25hb Februari, 1980 hari Isnin jam 12.00 tengah hari dengan sampol surat yang bertutop tanpa memboboh nama pengirim dengan hanya menyatakan di-luar sarong surat "Membekal Alat2 Pembersar Suara Masjid Pekan Seria dan Masjid Hassanal Bolkiah, Tutong."

3. Wang deposit sa-banyak $300.00 mengenai perkara ini hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan (Bahagian Kewangan) tingkat pertama pada bila2 masa waktu pejabat di-buka hingga jam 3.00 petang sa-hingga 23hb Februari, 1980 hari Sabtu.

4. Keterangan2 lanjut mengenai alat yang di-perlukan boleh-lah di-dapati dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan (tingkat bawah bahagian Pengawas Tingkat Khas).

5. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang murah atau tawaran sa-umpama-nya.

## JABATAN KERAJAAN BERGAJI HARI

1) Majikan : **Pejabat Perikanan, Bruhei.**
Jawatan : Watchman
Peringatan : Chalon2 hendak-lah tinggal di-sekitar. Pekan Muara.

## SEKTOR SWASTA BERGAJI BULAN

1) Majikan : **Tractor Malaysia Bhd.,**
Jawatan : Counter Sales Clerk

2) Majikan : **Hoe Hong Sauce Co.,**
Batu 5, Jalan Pasir Berakas, Brunei.
Jawatan : a) General Labourer — 3 kekosongan bahagian lelaki
b) Tukang Masak Sauce — 2 kekosongan bahagian lelaki
Gaji : $280.00 sa-bulan.

3) Majikan : **Yusra Trading Co.**
Jawatan : Hard Labourer
Gaji : $210.00 — $290.00 sa-bulan

4) Majikan : **Travel Centre (Borneo) Ltd.**
Jawatan : Asst. Account Clerk/Bookkeeper.
Peringatan : Chalon2 ini hendak-lah berpengalaman dalam bidang ini kira2 1-2 tahun dalam bahagian kira2.

5) Majikan : **Mohan's Carpet Palace.**
Jawatan : a) Skilled carpet Layer
b) Curtain
c) Cushion Tailor
Kekosongan: 3 Jawatan bahagian lelaki
1 Jawatan bahagian perempuan
Untok ma'aloman kapada yang hendak bekerja di-bidang ini jika mereka bekerja dengan baik dan tekun mereka2 akan di-hantar berkursus di-Singapura dan hendak-lah mereka membuat perjanjian dua tahun untok bekerja di-Sharikat itu

6) Majikan : **East Enterprise Agency**
Jawatan : 2 jawatan lelaki bahagian Delivery boy and Asst. Trainee plumber.
Kelulusan : a) Darjah Enam
b) Pernah bekerja pemasangan paip
Gaji : $280.00-400.00 sa-bulan tidak termasok overtime.

7) Majikan : **Electrolux Ltd.**
Jawatan : 2 general clerk — perempuan
1 bookkeper — lelaki

8) Majikan : **First Metro.**
Jawatan : Salesgirl

9) Majikan : **Sharikat Perniagaan Shell Brunei Bhd.**
Jawatan : Eksekutif Pemasaran
Sharat2-nya: a) Chalon ini hendak-lah raayat DYMM dan Yang Dipertuan.
b) Chalon ini hendak-lah sa-orang Siswazah.
Umor : 25 tahun — 35 tahun.

Jika ada chalon2 yang hendak memohon jawatan ini hen-lah menulis surat sa-chara bertulis dalam bahasa Inggeris berserta gambar size passport baharu dan butir2 lanjut yang memberikan latar belakang kelulusan dan pengalaman bekerja hendak-lah di-chatetkan, dan hendak-lah di-hantar dengan segera kapada : —

Awang M. S. Michie,
Pengurus Umom,
Sharikat Perniagaan Brunei Shell,
Peti Surat 385, Bandar Seri Begawan.

Kapada pemohon2 yang ingin untok memenohi jawatan2 yang tersebut di-atas ada-lah dengan ini di-pelawa hadhir ka-Pejabat Buroh, Bandar Seri Begawan dengan segera-nya dengan membawa bersama2 mereka kad pengenalan surat2 Pengakuan kebolehan untok rujokan.

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

**No. 7 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 5th February, 1980 for :—

PROPOSED ADDITION, ALTERATION AND RENOVATION TO EXISTING HEALTH CLINICS AT KAMPONG BUNUT AND SERASA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 8 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 5th February, 1980 for :—

THE CONSTRUCTION OF THE SEWERAGE RETICULATION FOR EDUCATION DEPARTMENT'S NEW STAFF QUARTERS AT BUKIT BENDIRA, TUTONG.

NOTE :

**Site inspection will be held at 10.00 a.m. at the site on 2nd February, 1980.**

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 9 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 12th February, 1980 for :—

RODENT AND PEST CONTROL, BANDAR SERI BEGAWAN, TUTONG, SERIA AND BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 10 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 5th February, 1980 for :—

CONSTRUCTION OF PROPOSED T.B. CLINIC AT TUTONG GENERAL HOSPITAL, TUTONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 11 OF 1980**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 5th February, 1980 for :—

SUPPLY OF PAINTS TO P.W.D. BRUNEI FOR A PERIOD OF ONE YEAR.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 12 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 5th February 1980 for :—

THE CONSTRUCTION OF 10 BLOCKS OF SENIOR OFFICER'S QUARTERS (KINABALU TYPE) AND 3 BLOCKS OF CLASS 'C' QUARTERS AT R.B.M.R. CAMP, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 13 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 5th February, 1980 for :—

PROPOSED MAIN STORM DRAIN BEHIND GOVERNMENT STATE STORE, JALAN GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 14 OF 1980**

TENDERS will be received from suitably qualified contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 12th February, 1980 for :—

DESILATION OF 24" DIA. MARINE OUTFALL SEWER AND ITS ASSOCIATED WORKS AT SUNGAI BELAIT, KUALA BELAIT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'A' Contractor up to 12 noon on Monday 10th March 1980 for the construction and completion of :

ANCILLARY BUILDING, AIRWING BERAKAS CAMP, BRUNEI.

2. Before the tender documents can be issued, tenderers must show proof that :

2.1 They are currently registered with P.W.D. Brunei as Class 'A' Contractors, and who have complied with Government circular referenced PWD/HO/C/15-7 dated 3rd March, 1979.

2.2 Tenderers must produce a specific Bankers letter, stating that in the event of the applicants Tender being successful, the said bank will provide a Security Bond for the duration of the Contract in an amount not less than $100,000.00, or 10% of the submitted tender, whichever is the great. This document must be submitted to the Architects during the tender period, failure to do so will amount to a rejection of the tender.

3. Tender Document can be examined at and obtained from the office of the Architects :

BOOTY EDWARDS DAN RAKAN2 AKITEK
146 JALAN CHEVALIER
BANDAR SERI BEGAWAN
BRUNEI

from Monday, 11th February 1980 onwards during normal office hours.

4. The tender deposit required is $1,000.00 which is in the form of a cheque, shall be made payable to the Architects. This deposit is refundable to each tenderer upon the receipt of a bona-fide tender and the return of all tender documents in good condition.

5. Tenders shall be submitted on the Form of Tender and enclosed in envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name and address of the tenderer on the envelope.

6. Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## FIRE BRIGADE DEPARTMENT

### TENDER NOTICE

### No. 2/1980

1. TENDERS wil be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Office, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 4.00 p.m. on Thursday 21st February, 1980 for the Supply and Delivery of 1 Unit Light Alloy Angus "464" 45ft Lacon Ladder.

2. Tenderers are requested to forward their specifications and catalogue for 1 Unit Angus with their tender. All prices quoted based on CIF Brunei.

3. Date of delivery to be stated.

4. Tenders received after this time will be rejected.

5. Tenders must be placed in plain sealed envelope and marked "Tenders For The Supply and Delivery of 1 Unit Alloy Angus "464" 45ft. Lacon Ladder". The name of the tenderer must not appear on the envelope.

6. The cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei.

7. The lowest or any tender will not necessarily be accepted.

## TENDER NOTICE

**"EMERGENCY — UPS SYSTEM INSTALLATION" NEW GENERAL HOSPITAL AT KIULAP, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI**

REGISTERED Class 'A' Electrical Contractors and specialist firms are invited to submit tender for the complete supply and installation of Emergency — UPS System, New General Hospital at Kiulap, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 4th February, 1980 onwards during normal office hours. The tender deposit of $1,000.00 shall be in the form of a cheque in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 26th February, 1980. Tender received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR "EMERGENCY — UPS SYSTEM" NEW GENERAL HOSPITAL AT KIULAP, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Our client, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## SUPPLY OF BAGS PLASTIC REFUSE

TENDERS are invited for the supply of Bags Plastic Refuse disposal to Royal Brunei Malay Regiment for one year commencing 1st March 1980. The total quantity is required 144,000 bags.

Delivery is required in 12 phases, each delivery comprise 12,000:00 bags and to take place on the first week of each calendar month to Transit, Royal Brunei Malay Regiment, Logistics Depot, Berakas Camp.

The tender is to state price. Enquires on specification can be made to DAQMG 2, Regimental Headquarters, Berakas Camp.

Tenders are to be submitted to the Chairman Brunei Tenders Board, Bandar Seri Begawan by 4.00 p.m. on Thursday 14th February 1980. All tenders are to be submitted in a plain sealed envelopes and should be endorsed "ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT PLASTIC BAGS".

## KENYATA'AN TAWARAN

SHARIKAT2 ada-lah di-pelawa untok menghantar tawaran mereka bagi perkara yang berikut untok Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei :—

a. SA-BUAH MINI BUS.

2. Tawaran2 hendak-lah di-kirimkan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-Pejabat Kewangan tingkat bawah, bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 25hb Februari, 1980 jam 12.00 tengah hari.

3. Tawaran2 hendak-lah di-hantarkan dengan keterangan2 yang lengkap saperti menyatakan harga kenderaan itu (harga CIF Brunei), tarikh tiba ka-Brunei dan juga menyertakan ketilog kenderaan yang di-tawarkan.

4. Semua tawaran hendak-lah di-kirimkan dengan sampol surat yang tertutop tanpa membuboh nama pengirim atas sampol surat itu dan memberi tanda "Tawaran Kereta Mini Bus untok Jabatan Hal Ehwal Ugama".

5. Wang chengkeram hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Hal Hal Ehwal Ugama, Bahagian Kewangan Tingkat I, di-Bandar Seri Begawan, Brunei dengan kadar sa-banyak $300.00 pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sa-hingga 23hb Februari, 1980 hari Sabtu jam 3.00 petang.

6. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran mengenai-nya.

## KENYATA'AN TAWARAN

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Tingkat Bawah Bangunan Pejabat2 Kerajaan, Bandar Seri Begawan sa-hingga jam 4.00 petang pada hari Selasa 19hb Februari, 1980 bagi membekalkan kenderaan saperti berikut:—

a) DUA (2) BUAH TIPPER TRUCK 5 TONS CAPACITY
2) SATU (1) BUAH 25 SEATER BUS

2. Penentuan2 bagi kereta ini boleh di-dapati dari Pejabat Daerah Tutong bila2 masa waktu bekerja.

3. Penawar2 hendak-lah menyatakan masa untok pembekalan ini dapat di-adakan.

4. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutop dengan tidak ada tanda2 yang menunjokkan nama penawar-nya.

5. Sampul surat ini mesti-lah di-alamatkan kapada "Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat2 Pembekalan Kereta2 untok Pejabat Daerah Tutong".

6. Tawaran yang di-terima dalam sampol surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

7. Kerajaan tidak terikat menerima tawaran yang sa-habis rendah atau sebarang tawaran

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Juruteknik Makmal Perchubaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan dan Yang Dipertuan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Juruteknik Makmal/Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 untok di-lantek di-bawah sekim ini hendak-lah sudah menchapai umor 17 tahun tetapi tidak lebeh dari 25 tahun.

b) Chalon2 mesti-lah mempunyai empat 'O' Level. Kelulusan terdiri Bahasa Inggeris dan dua mata-pelajaran sains atau lima 'O' Level dengan kelulusan terdiri dari Bahasa Inggeris dan satu mata-pelajaran Sains.

**Tangga Gaji :**

M. 3—$395-408-421-434-446-459 - 472-491-510-529-548-567-587.

Pemohon2 yang terpileh akan di-lantek dalam perchubaan sa-lama tiga tahun sa-bagai Juruteknik Makmal Perchubaan dan akan di-hantar ka-seberang laut bagi menjalani latehan dalam perkhidmatan bagi pegawai2 Kerajaan.

Juruteknik Makmal Perchubaan akan di-kehendaki lulus pepereksaan ONC/OND atau sebanding dengan-nya sa-masa menjalani latehan dalam tempoh perchubaan mereka.

Juruteknik Perchubaan yang: (a) telah lulus perepereksaan, dan (b) di-sokong oleh Ketua Jabatan mereka akan layak di-tetapkan sa-bagai Juruteknik Terlateh.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 25hb Februari, 1980.

(E/207/60/3)
(Bil : 3/1980)

## Di-Jabatan Muzium, Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Bahagian Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan, Jabatan Muzium, Brunei.

1. PENOLONG GURU TUKANG KAYU SENI UKIR

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 hendak-lah berumor di-antara 30 hingga 50 tahun.

b) Mempunyai pengalaman dan pengetahuan bagi mengukir alat2 dari bahan2 kayu, tandok, gading dan sa-bagai-nya.

c) Mempunyai pengalaman dan pengetahuan bagi membuat kepala dan sarong keris dan bahan2 lain.

d) Mahir membuat sampak dari jenis logam emas, perak atau tembaga bagi kepala dan sarong keris.

e) Berpengalaman mengajar seni pertukangan sekurang2-nya tiga tahun dalam kerja2 pertukangan kemahiran-nya.

**Tangga Gaji :**

D.3-4 EB.5 — B$625-657-689-720 - 752-784/854-880-905-931 - 956-9821007 / E B / 1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. TUKANG KAYU SENI HALUS

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam kerja2 pertukangan seni halus saperti mengukir dan melorek dari bahan2 kayu, tandok dan gading; mengukir dan membuat hulu dan sarong keris; membuat sampak daripada logam saperti emas, perak dan tembaga bagi hulu dan sarong keris dan lain2 bahan yang ada hubongan dengan kerja ini.

Chalon2 hendak-lah dapat menunjokkan bokti kebolehan kemahiran mereka.

**Umor :**

30-50 tahun.

**Tangga Gaji :**

D.1-2 EB.3—B$370-383-395-408 - 421-434-446-465-485-504 - 523-542-561/ EB/ 625-657-689-720-752-784. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Chalon2 yang bukan raayat** Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar **baksis 25% daripada gaji sa-**telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari ra'ayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 23hb Februari, 1980.

(E/551/77) (Bil: 2/1980)

## EDUCATION DEPARTMENT, BRUNEI TECHNICCAL EDUCATION

APPLICATIONS are invited from subjects of His Highness the Sultan to enrol in the following Day Release Course at Pusat Latehan Teknikal Brunei, Jalan Muara. The course will commence in March.

**PART-TIME DAY RELEASE COURSE IN SHEET METALWORK**

| | |
|---|---|
| Entrance qualifications : | Employment in the Sheet Metalwork Trade or in a Trade related to Sheet Metalwork. |
| Duration of Course : | 1 year. |
| Attendance : | 1 day per week. |
| Subjects to be Studied : | Drawing and Development<br>Sheet Metalwork Theory<br>Sheet Metalwork Practice. |

Selection of students from among the applications will be made my means of a test and an interview. Application forms are obtainable from the Princpal, Pusat Latehan Teknikal Brunei, P. O. Box 914, Bandar Seri Begawan, Brunei or from the Department of Education, Bandar Seri Begawan, Brunei. Applications from Government Officers must be forwarded through their Head of Department.

All applications must be submitted to the Principal, Pusat Latehan Teknikal Brunei by Saturday 9th February 1980.

## DEPARTMENT OF EDUCATION TECHNICAL SECTION

APPLICATIONS are invited from suitably qualified candidates for appointment as temporary teachers (English Medium) on a daily rated basis. Teachers are required in the following subjects : —

a) English (EFL or EST)
b) Accounts and Commerce
c) Social Studies

**Terms of Appointment**

The appointment will be for one year in the first instance and thereafter renewable at one year intervals. One month's notice of resignation is required and if the candidate's service is terminated one month's notice will be given.

The Director of Education cannot arrange immigration sponsorship nor provide accommodation.

**Qualification and Salary**

| | |
|---|---|
| An Honours Degree of a recognised University — | $51.50 per day |
| An Ordinary Degree of a recognised University — | $42.00 per day |
| A Teachers Certificate | $35.00 per day |

Application forms are obtainable from the Education Department Technical Section and should be submitted in duplicate to the Organiser of Technical Education.

## SUCCESSFUL TENDERS

Airconditioning installation of Telephone Exchange, Tutong Muara — Re-tender.

Electrical installation of 5 Blocks, 6 Unit, Class 'F' Flats, F21-25, Old Airport Road — Ms Kwek Engineering Company — $96,785.00.

Electrical installation of 5 Blocks, 6 Unit, Class 'F' Flats, F26-30, Old Airport Road — Ms Kwek Engineering Company — $98,285.00.

Electrical installation of 3 Blocks, 12 Unit, Flats Istana Darul Hana — Ms Kon Kim Electrical Company — $118,710.00.

Cable Duct Manhole Joint Boxes, Kg Paritt Jalan Tutong — Teo Hock Chuan Contract — $51,250.00 — 3-4 weeks.

Fire protection and Cold Water Pump System at Nurses Complex, New General Hospital, Kiulap — Auto Electric Company — $148,600.00 — 9 months.

Construction of proposed Sewerage reticulation treatment and disposal for sekolah Melayu Sengkarai, Tutong — Ting Pang Hang & Sons Construction — $478,867.40 — 7 months.

---

Construction of RC drains and ancillary works at Jerudong Park — Circle Trading Company — $296,180.00 — 8½ months.

State Stores tender No. 45/1979, supply of AC Pressure pipes and Joints — United Asbestos Cement Bhd — M$96,876.00 — 24-26 weeks ex-works.

Airconditioning installation for British JRC, Army Work, Seria — Marsee & Company — $35,195.00 — 24 weeks.

Supply of Ceramic Tiles for Catering School PLTB — Maju Jaya (Pte) Ltd — $20,220.00.

Supply of Stationery for 1980 for the State Secretariat —

Sh Toko Buku Kapital
Sh Brunei Daily Newspaper & Printing
Sh Petrel Stationery & Trading
Sh Sunbeam Enterprise
Sh Star Trading & Printing
Sh Borneo Printers & Trading Pte Ltd
Sh Kapital Trading & Printing Pte Ltd

500 persons packaged sewage treatment plant for S. M. Sengkarai, Tutong — Paterson Candy (M) — $123,778.00.

## TENDER NOTICE No. 1/1980

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Government Office, Bandar Seri Begawan, up to 4.00 p.m. on Thursday 14th February, 1980 for the supply and Delivery of Fire Extinguishers to an approved standard specifications:—
   1. 3LBS, 5LBS, 6LBS AND 12LBS RE-CHARGEABLE BCF FIRE EXTINGUISHERS (PRICE PER UNIT TO BE STATED).
2. Tenders for the above should provide recharging facilities of the Fire Extinguishers locally in Brunei.
3. Tenderers are requested to forward their specifications and catalogue for the above fire extinguishers with their tender. All prices quoted based on CIF Brunei.
4. Date of delivery to be stated.
5. Tenders received after this time will be rejected.
6. Tenders must be placed in plain sealed envelope and marked tenders for the Supply and Delivery of Fire Extinguishers. The name of the tenderer must not appear on the envelope.
7. The cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei.
8. The lowest or any tender will not necessarily be accepted.

## TENDER NOTICE

**TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED WORKSHOP FOR MARINE POLICE BASE, MUARA**

1. TENDERS wil be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Class 'A' and 'B' Contractors registered with Electrical Department up to 12.00 noon, 26th February 1980 (Tuesday).
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED WORKSHOP FOR MARINE POLICE BASE, MUARA."
4. Tender documents may be obtained from the office of M/s Associated Consultants Private Limited, Chartered Engineers, Room 27-29 Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan during normal office hours from 28th January, 1980 onwards.
5. The Tender Deposit will be B$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei.

The Tender Deposit will not be refunded to the successful tenderer and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project Vote.

The Tender Deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineers' Office.

6. Prior to the issue of the tender documents, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' or 'B' Contractor registered with Electrical Department.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED PIPE BAND BLOCK AT ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT CAMP AT TUTONG**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Class 'B' Contractors or above up to 12.00 noon, 26th February 1980.
2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED PIPE BAND BLOCK AT ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT CAMP AT TUTONG."
1. Tender documents may be obtained from the officeof Messrs. Associated Consultants Private Limited, Chartered Engineers, Room 27-28, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 28th January 1980 onwards during normal office hours.
5. The tender deposit shall be B$500.00 (Brunei Dolars Five hundred only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be paid to the Government.

The Tender Deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineers' office.

6. Prior to the issue of the tender documents, each tenderers will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'B' Electrical Contractor or above.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## SALE BY TENDER OF UNSERVICEABLE STORES

**LOT 59**

1. Please submit your tender for items of unserviceable stores shown below.
2. Tenders are to be submitted to the Commander RBMR and placed in the Guard Room Tender Box Berakas Camp by 1000 hrs Friday 1st February 1980.
3. Tenders received after this time will be rejected.
4. Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.
5. All envelopes must be endorsed Lot 59 RBMR.
6. Goods can be inspected at the Return Stores Sub-Depot Bolkiah Camp until 1600 hrs Thursday 31st January 1980.
7. All goods are offered "As Lying" and must be removed by successful tenderer within 14 days of notification.

| Serial No. | Item | Qty. |
|---|---|---|
| 1. | Double Mattress R/Foam | 57 |
| 2. | Single Mattress R/Roam | 145 |
| 3. | Pillow R/Foam | 191 |
| 4. | Drawers Cellular | 180 prs |
| 5. | Bed Stead Iron | 25 |
| 6. | Fridge Kelivator | 1 |
| 7. | Bin Barack Body W/Lid | 45 |
| 8. | Chair plastic Stacking | 60 |
| 9. | Steel Cupboard w/three shelve | 1 |
| 10. | Portable Pump | 1 |
| 11. | Refrigerator Phillips | 1 |
| 12. | Watch and Stopwatch | 19 |
| 13. | Typewriter | 2 |
| 14. | Wheel Borrows | 2 |
| 15. | Gas Container | 6 |
| 16. | Ceiling and Table Fan | 20 |
| 17. | Cooker 2 Hot Plate | 2 |
| 18. | Compass Prismatic | 5 |
| 19. | Double Pedestal Desk | 1 |
| 20. | Filling Cabinet with four drawers | 1 |


## Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad MEMPELAWA TAWARAN

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD mempelawa tawaran2 dari pemborong2 yang di-benarkan oleh Sharikat M.S.B. bagi : —

1) **KATEGORI 6 & 32 — TAWARAN No. LEN/009/80.**
Mengadakan serta memasang paip dan kelengkapan bagi membersehkan ayer balek pelowap (Return Condensate)

Bagi maklumat lebeh lanjut, lihat-lah Kenyataan2 Tawaran di-Papan2 Kenyataan Tawaran Sharikat M.S.B.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd. INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for :

1) **CAT 6 & 32 — TENDER No. LEN/009-80**
Fabrication and installation of piping and equipment for Treatment of Return Condensate.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.



TAHUN Undang2 bagi Negeri Brunei 1980 telah bermula pada hari Isnin lalu dengan satu upacahara perbarisan di-mana Ketua Hakim Besar Brunei, Sir Denys Roberts telah memereksa satu perbarisan kehormatan yang terdiri dari Pasokan Pulis Diraja Brunei. Upachara tersebut telah di-adakan di-hadapan bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan (gambar atas).

Sa-lepas memereksa perbarisan itu, Sir Denys kemudian-nya telah di-perkenalkan kapada Ahli2 Perundangan di-Brunei, ketua2 jabatan serta orang2 kenamaan yang lain-nya.

Sir Denys Roberts yang juga merupakan Ketua Hakim di-Hongkong akan menghakimkan perbicharaan2 di-Makhamah Tinggi di-Brunei sa-lama dua minggu.

Antara yang hadhir di-upachara itu termasok-lah Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar, Peguam Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas dan Pengawal Kastam dan Eksais, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pg. Haji Abu Bakar, dan lain2 pegawai kanan Kerajaan.

# Sistem urusan kewangan Brunei dengan luar negeri melalui bank

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu sistem yang lengkap dan terator akan di-laksanakan bagi pemungutan maalumat2 mengenai satiap urusan2 kewangan antara Brunei dan negeri lain bagi faedah2 penyediaan perangkaan Imbangan Pembayaran Brunei.

Sistem itu akan di-selanggarakan oleh Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan mulai 1hb Februari ini.

Tindakan ini ada-lah sabagai langkah lanjut kaatas dasar bagi memperolehi maalumat2, perangkaan2 dan keterangan2 yang lengkap dan terator yang diperlukan bagi tujuan peranchangan dan kemajuan ekonomi.

Di-bawah sistem ini bank akan mengumpolkan maalumat2 yang di-perlukan itu bagi pehak Yunit Peranchang Ekonomi.

Urusan2 atau urusniaga2 yang seharus-nya di-laporkan hanya meliputi bagi perkara2 urusan yang dilakukan di-antara pendudok tempatan dan bukan pendudok tempatan yang ditakrifkan di-bawah sistem ini, sama ada menerima wang2 bayaran dari luar negeri atau membuat pembayaran ka-luar negeri.

Sistem urusan2 atau urusniaga2 di-seberang laut ini ada-lah mustahak di-kebanyakkan negeri sama ada negeri itu mempunyai kawalan pertukaran mata wang asing atau pun tidak.

Semua orang perseorangan, badan2 perniagaan, perbadanan2 atau agen2 yang tidak menchari keuntongan atau wakil2 sharikat yang mana tumpuan perhentian aktiviti ekonomi utama-nya di-negeri ini atau kedudokkan di-Brunei buat salama satu tahun atau lebeh ia-nya akan di-takrifkan sabagai pendudok tempatan di-bawah sistem ini.

Sebalek-nya mereka yang bukan pendudok tempatan ia-lah orang perseorangan atau konsul asing, semua kerajaan asing dan agen2 atau wakil2 sharikat yang tidak termasok sa-bagai kategori pendudok tempatan.

Di-samping itu orang ramai ada-lah di-kehendaki memberikan keterangan2 kapada bank akan maksud tujuan bagi sa-tiap urusan2 kewangan luar negeri ini iaitu sama ada penerimaan wang dari seberang laut atau pembayaran2 yang dibuat ka-seberang laut.

Di-dalam memberikan keterangan2 tersebut bank2 tidak-lah di-kehendaki memberikan nama orang atau sharikat yang menerima atau yang membuat bayaran2 kewangan tersebut.

Orang ramai juga ada-lah dengan ini di-minta supaya memberikan kerjasama dan bantuan yang sa-penoh-nya demi untok mempastikan pengumpolan keterangan2 maalumat yang lengkap dan tepat.

## Borang permohonan perpindahan untok kakitangan Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pengarah Perpindahan Brunei, YAM Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin, minggu ini, telah mengeluarkan surat keliling, meminta Ketua2 Jabatan Kerajaan akan menghantar satu senarai nama pegawai2 atau kakitangan di-jabatan masing2 yang di-fikirkan berhak di-pertimbangkan bagi menyertai ranchangan perpindahan untok pegawai dan kakitangan2 Kerajaan.

Ada-lah di-fahamkan bahawa Jabatan Perpindahan akan mengedarkan borang2 permohonan perpindahan itu melalui Ketua2 Pejabat, dan borang tersebut hanya akan diberikan melalui Ketua2 Jabatan mengikut senarai yang di-hantar ka-Jabatan Perpindahan. Senarai nama2 pegawai atau kakitangan Kerajaan yang berhak itu hendak-lah sampai ka-Jabatan Perpindahan selewat2-nya pada 14hb Februari, 1980 depan.

Menurut Surat Keliling itu, permohonan bagi mendapatkan lot2 perpindahan untok pegawai2 Kerajaan itu, ia-lah mereka yang terkumpol dalam Bahagian III, IV dan V yang berhak di-pertimbangkan. Antara sharat2-nya ia-lah : —

i. Raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan;
ii. Tidak mempunyai tanah dan
iii. berhak mendapat pinjaman wang Ranchangan Perumahan di-bawah sharat Surat Keliling SUK Bil: 31/76.

# Dasar MBB menyatu-padukan persatuan2 belia

Dari muka 1

Untok itu, Yang Berhormat telah menyeru Majlis Belia2 Negeri Brunei supaya akan sentiasa mempunyai sikap yang sedarhana dalam pergerakan di-sertai dengan tanggong-jawab yang penoh pada memelihara nama baik negeri Brunei serta mengukohkan sistem kesultanan dan seterusnya berusaha untok mengharumkan nama baik MBB di-masa akan datang.

"Jangan-lah hendak-nya Majlis Belia2 Negeri Brunei akan mengalami sejarah perjuangan yang menurun dan kendur, pada hal tahun 80an ada-lah satu dekad yang penting bagi MBB, kerana perjanjian persahabatan dan kerjasama yang di-tanda tangani pada 7hb Januari 1979, menghendaki perpaduan yang lebeh erat di-kalangan belia2 demi untok kepentingan Brunei Darussalam", jelas Yang Berhormat itu lagi.

"Sikap belia2 dalam memelihara identiti keBruneian; sikap belia2 dalam menyedari perpaduan mereka sa-bagai sumber tenaga yang berkesan dalam pembentokkan masharakat; sikap belia2 dalam menyedari semangat dan usaha mereka sa-bagai pelupor dalam usaha yang berkebajikan; sikap belia2 dalam mengeluarkan fikiran yang bernas dan jauh daripada perasaan sentimen harus-lah di-pupok dan di-jadikan bahan fikiran", tambah Yang Berhormat.

Menyentoh mengenai pergerakan dan perkembangan MBB, Yang Berhormat menjelaskan bahawa majlis tersebut pada mula-nya di-kenali sa-bagai nama Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei yang di-tubohkan pada tahun 1959 dan di-pimpin oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusof sehingga-lah tahun 1964 di-ubah menjadi Majlis Belia2 Negeri Brunei.

Matalamat yang ingin di-chapai oleh Majlis Belia2 waktu itu, kata Yang Berhormat itu lagi, ada-lah bertujuan semata-mata untok berusaha sa-chara sukarela bagi meninggikan taraf belia2 dalam bidang kebajikan dan sosial.

"Dalam usia MBB yang memasoki abad ke-21 ini telah menghadapi pahit maung dalam pergerakannya, tetapi satu hakikat yang tidak dapat di-sangkal bahawa puchok pimpinan MBB hingga sekarang ini di-pegang oleh Pegawai2 Kerajaan, maka bersatu-lah tenaga belia2 itu di-bawah satu puchok pimpinan yang sehat bagi membangun negara sesuai dengan kehendak negeri dan raayat yang inginkan keamanan, kemaamoran dan kemajuan hidup", tambah Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, juga telah mengariskan dasar dan tujuan Majlis Belia2 Negeri Brunei di-bentok.

Menurut-nya, majlis tersebut tidak berasaskan siasah parti tetapi ada-lah bertujuan untok menyatu padukan persatuan2 belia dan kebajikan di-seluroh negeri terutama sekali dari segi ekonomi; pendidekan; sosial dan kemasharakatan; ugama; kebudayaan dan kesenian serta sokan dan olah raga.

Dalam uchapan alu2an, Yang Dipertua MBB, Awg Haji Jaya bin Abd Latif berharap supaya belia2 muda yang mempunyai tenaga yang chukop kuat di-negeri ini supaya akan tampil kahadapan bagi kegunaan mengambil aleh peranan dan teraju MBB demi untok meninggikan lagi taraf majlis tersebut bergerak dengan lebeh aktif lagi.

Kongres Agong MBB yang berjalan sa-lama satu hari itu telah di-sertai oleh lebeh daripada 100 orang perwakilan belia2 yang bergabong dengan MBB.



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain (no. 4 dari kanan) beserta pemimpin2 MBB di-Majlis Pembukaan Rasmi Kongres Agong MBB. Turut juga hadhir di-majlis itu ia-lah Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.